


**Jilid I
Bil. 18**



**Hari Khamis
4hb November, 1982**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2091]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 2131]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 [Ruangan 2131]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1983 [Ruangan 2131]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei
Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang Dipertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- ” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- ” Timbalan Menteri Penerangan PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSI AH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim—Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATO' HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

- Yang Berhormat **TUAN CHAN KOK KIT** (Sungai Besi).
- „ **TUAN DAIM ZAINUDDIN** (Kuala Muda).
- „ **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S.** (Beruas).
- „ **TUAN PETER CHIN GAN OON** (Ipoh).
- „ **TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA** (Batu Pahat).
- „ **TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD** (Tumpat).
- „ **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S.** (Saratok).
- „ **DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.**
(Batang Lupar).
- „ **TUAN FUNG KET WING** (Sandakan).
- „ **TUAN NEWMAN GABAN** (Bandau).
- „ **TUAN GOOI HOCK SENG** (Bukit Bendera).
- „ **TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K.** (Pelabuhan Kelang).
- „ **DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J.** (Ulu Padas).
- „ **TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K.** (Ulu Muda).
- „ **TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P.** (Labuk Sugut).
- „ **TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED** (Rantau Panjang).
- „ **TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN** (Kuala Nerus).
- „ **TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K.** (Jerai).
- „ **TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N.** (Kemaman).
- „ **DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.**
(Sabak Bernam).
- „ **TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT** (Ulu Rajang).
- „ **DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P.,**
K.M.N., J.P. (Larut).
- „ **TUAN KAN YAU FA** (Tawau).
- „ **TUAN KARPAL SINGH** (Jelutong).
- „ **TUAN KHADRI BIN SABRAN** (Tenggaroh).
- „ **TUAN MARK KODING** (Kinabalu).
- „ **DR KOH TSU KOON** (Tanjong).
- „ **DATO LEE KIM SAI** (Ulu Selangor).
- „ **TUAN LEE LAM THYE** (Kuala Lumpur Bandar).
- „ **TUAN LEO MICHAEL TOYAD** (Mukah).
- „ **DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S.** (Kapit).
- „ **TUAN LIM KIT SIANG** (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang
Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOW POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong
Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 4hb November, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang Dipertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN
TANAH LOMBONG—PEKEBUN
SAYUR

1. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa ramai pekebun-pekebun sayur-sayuran di atas tanah lombong yang telah diusahakan sekali dengan mencuba dan mempelajari daripada kesalahan (Trial and Error) selama beberapa tahun di atas tanah ini tanpa pengetahuan ilmu sains yang mana dalam negara ini penyelidikan atas pemulihan tanah terbiar yang tersebut itu masih belum dijalankan lagi;
- (b) jika ya, bolehkah beliau mencadangkan satu rancangan melalui Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi, Majlis Tanah Negara, yang boleh mengarahkan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menempatkan pekebun-pekebun ini, jika tanah mereka dikehendaki bagi pembangunan atau perumahan, di atas tanah terbiar dan selaras dengan Rancangan Buku Hijau; dan

(c) jika tidak, bolehkah beliau mengarahkan pejabat-pejabat pertanian di seluruh negeri untuk mengemukakan laporan atas mencucuk tanam di atas tanah terbiar dan cadangan-cadangan bagaimana hendak mengambil faedah dan kemahiran yang sedia ada pekebun-pekebun ini ke Persidangan yang ke 36 Majlis Tanah Negara yang akan datang untuk pelaksanaan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang Dipertua, saya sedar bahawa ramai pekebun-pekebun, khasnya di Negeri Perak yang telah mencuba menanam sayur-sayuran di kawasan-kawasan bekas lombong. Mereka ini menggunakan tanah-tanah tersebut sama ada secara haram atau ada juga yang diberi lesen penggunaan sementara (T.O.L.).

Soal kebenaran bagi penggunaan tanah-tanah ini sama ada bagi maksud pertanian, perumahan atau lain-lain penggunaan pembangunan lain yang sesuai adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Kementerian Pertanian ketika ini telah pun mengadakan beberapa rancangan penyelidikan serta skim-skim percubaan ke atas tanah-tanah bermasalah seperti tanah gambut, tanah berasid (acidic soils), tanah masam dan termasuklah tanah-tanah bekas lombong bagi menentukan jenis tanaman atau lain-lain kegiatan pertanian yang boleh dilaksanakan. Tanah-tanah tersebut akan

dusahakan dengan tanaman yang sesuai. Maka dengan itu saya berpendapat tidaklah perlu syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dibawa ke persidangan Majlis Tanah Negara.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa kebenaran bagi penggunaan tanah-tanah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Di sini saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa nampaknya kebanyakan Kerajaan-kerajaan Negeri tidak menggalakkan pengusaha-pengusaha untuk misalnya menggunakan tanah bagi tujuan untuk menanam sayur-sayuran. Jika beliau sedar tentang hal ini, adakah pihak Kementerian berkenaan bercadang untuk mengeluarkan satu arahan kepada tiap-tiap negeri supaya mereka dapat memperuntukkan satu quota atau percentage bagi tujuan untuk membantu orang-orang yang ada minat dalam tanaman sayur supaya mereka boleh menggunakan tanah bagi menambahkan hasil dan ini adalah selaras dengan dasar Buku Hijau.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, bagaimana yang telah pun saya terangkan tadi bahawa tanah-tanah di negeri-negeri di Malaysia ini adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Sebagaimana kita sedia maklum Kerajaan Negeri ada mempunyai berbagai-bagai planning mungkin prioriti yang difikirkan lebih menguntungkan rakyat sudah disediakan di tempat-tempat di mana para pekebun-pekebun sayur ini hendak menanamkan sayur-sayuran. Tetapi walau bagaimanapun, mengikut pendapat Kementerian ini bahawa semua negeri-negeri di Semenanjung ini khasnya sentiasa

memberi penelitian terhadap masalah para pekebun-pekebun ataupun para petani-petani di tiap-tiap negeri.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan percubaan tanaman-tanaman sayur ini dicuba juga di tanah-tanah gambut. Saya ingin tahu bilakah hasil percubaan tanaman di tanah-tanah gambut ini dapat diberikan kepada petani-petani yang di merata tempat yang menduduki tanah-tanah gambut supaya dapat pula mereka mencuba tanaman-tanaman yang sesuai yang dapat menghasilkan tanaman sayuran yang baik.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, pihak MARDI telah pun membuat kajian di berbagai-bagai kawasan tanah gambut dan mereka telah mendapatkan beberapa jenis tanaman-tanaman yang sesuai ditanam di tanah-tanah gambut. Tanaman-tanaman tersebut iaitu sayuran seperti cabbage, halia dan sebagainya. Pada masa ini pihak MARDI juga sedang berusaha membuat penyelidikan yang lebih mendalam lagi oleh kerana dalam pendapat mereka ada lagi tumbuhan-tumbuhan yang lain yang sesuai ditanam di kawasan di tanah-tanah gambut.

KEPUTUSAN MALAYSIA DI ZIMBABWE—PENUBUHAN PEJABAT

2. **Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang mengadakan pejabat kedutaan Malaysia di Zimbabwe memandangkan negara ini kian menjadi negara yang penting di Afrika Selatan pada hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang Dipertua, Malaysia memang menganggap Zimbabwe sebagai sebuah

negara yang penting di rantau selatan Afrika. Walau bagaimanapun, kita belum lagi berhasrat untuk menubuhkan sebuah pejabat kedutaan di Zimbabwe memandangkan kemampuan kita yang terhad tidak mengizinkan penubuhan-penubuhan kedutaan di semua negara di Afrika. Namun begitu, Kerajaan sentiasa memerhatikan dengan rapi perkembangan-perkembangan di rantau tersebut dan berusaha mewujudkan hubungan dua hala yang lebih rapat dalam bidang-bidang politik, ekonomi dan sebagainya dengan negara-negara tersebut.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar ataupun tidak bahawa di Zimbabwe ini ada satu pertubuhan nasionalis yang dipanggil S.W.A.P.O. Jadi, pertubuhan inilah yang membebaskan Zimbabwe ini daripada Regim Victoria dan negara kita Malaysia telah pun mengiktirafkan S.W.A.P.O. ini.

Saya ingin tahu oleh kerana memandangkan pada tahun lepas kita memberi taraf diplomatik kepada PLO, adakah Kementerian ini bercadang hendak memberi taraf yang sama kepada S.W.A.P.O. ini?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, kita boleh menimbangkan soal taraf bagi satu-satu kedutaan atau pertubuhan itu apabila ada permohonannya untuk menubuhkan satu-satu pejabat di Kuala Lumpur. Jadi, permohonan itu setakat ini tidak ada. Namun demikian, kita memang mempunyai hubungan yang rapat dengan S.W.A.P.O. menerusi Kedutaan Besar kita di Washington dan juga dengan Permanent Representative kita di Bangsa-bangsa Bersatu.

KAYU GERGAJI—KENAIKAN HARGA

3. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan fakta-fakta yang menyebabkan naiknya harga kayu untuk kegunaan tempatan walaupun banyak jenis kayu telah diharamkan untuk dieksport dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang Dipertua, daripada 16 jenis kayu gergaji yang eksport balaknya diharamkan secara beransur-ansur sejak tahun 1972, hanya tiga jenis kayu gergaji sahaja yang didapati mengalami kenaikan harga, iaitu Chengal, Keruing dan Kapor masing-masing sebanyak 2%, 9% dan 13% berbanding dengan harga dalam tahun 1981. Sebaliknya pula, harga purata bagi kayu-kayu gergaji jenis Meranti Merah dan Sepetir tahun ini telah turun, masing-masing sebanyak 5% dan 3% berbanding dengan harga dalam tahun 1981.

Kenaikan harga bagi tiga jenis kayu yang saya nyatakan di atas adalah disebabkan oleh keadaan pasaran, sama ada tempatan atau luar negeri, yang dipengaruhi oleh faktor-faktor bekalan dan permintaan. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sektor pembinaan di negara ini yang gergaji jenis Chengal, Keruing dan Kapor. Ini telah mempengaruhi juga harga tempatan kayu-kayu jenis yang berkenaan. Lain-lain faktor yang boleh mempengaruhi harga ini termasuklah kos pengeluaran dan kos pengangkutan. Kos pengangkutan ini mempengaruhi harga setempat, misalnya kayu yang diniagakan di Pantai Barat mempunyai harga yang lebih tinggi dari harga di kawasan pengeluaran di Pantai Timur.

Tuan Yang Dipertua, dalam keadaan harga dipengaruhi oleh bekalan dan permintaan di pasaran, Kerajaan berusaha mengawal harga dengan mempengaruhi bekalan kayu supaya bekalan kayu yang mencukupi untuk kegunaan di dalam negeri mempunyai harga yang berpatutan. Selain daripada langkah-langkah mengharamkan eksport 16 jenis kayu balak yang popular secara beransur-ansur sejak tahun 1972, Kerajaan juga:

- (i) menghadkan eksport kayu balak jenis-jenis yang dibenarkan bagi yang berepang 40 sentimeter atau 16 inci ke atas melalui sistem kuota;
- (ii) menghadkan eksport kayu gergaji jenis Chengal dan Balau Merah kepada gred "Select and Better" sahaja untuk menjaga kepentingan pengusaha-pengusaha perabot, perahu dan seni ukiran kayu.
- (iii) mengawasi pengeksportan kayu gergaji jenis Sepetir untuk menjamin bekalan kayu jenis ini mencukupi untuk kegunaan industri perabot;
- (iv) menghadkan kayu gergaji yang bergred sahaja untuk dieksport ke negara-negara maju seperti EEC, Jepun, Australia dan Amerika Syarikat supaya kayu gergaji yang tidak bergred berada dalam negeri untuk kegunaan tempatan; dan
- (v) Kerajaan telah mengecualikan cukai import dan cukai tokok ke atas kayu balak dan kayu gergaji yang diimport bagi maksud menambah bekalan kayu dalam negeri.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, mengikut kata Timbalan Menteri tadi bahawa satu-satu sebabnya mengapa harga kayu naik di negara kita ini ialah oleh kerana

banyaknya permintaan terutama sekali dari sektor pembinaan dan juga melibatkan kayu-kayu yang popular seperti beliau sebutkan tadi Chengal, Keruing dan Kapor. Saya ingin tahu adakah sebarang tindakan atau kajian yang diambil oleh pihak Kementerian beliau untuk mencari jalan kemungkinan kayu-kayu yang kurang popular spesiesnya yang kita panggil kayu-kayu capca supaya diperkenalkan di pasaran tempatan ini dan juga digunakan di sektor pembinaan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, memang menjadi satu dasar Kerajaan untuk menentukan supaya kayu-kayu yang tidak berapa popular bukan hanya akan ditambahkan penggunaannya di dalam negeri tetapi juga ditambah pembeliannya oleh pembeli-pembeli luar negeri. Jadi, kajian sedang dibuat oleh Kementerian saya untuk menentukan supaya kayu-kayu yang jenis tidak bermutu tinggi ini akan lebih banyak dipergunakan oleh rakyat di negara kita ini.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri tadi nampaknya 16 jenis kayu diharamkan untuk eksport dan hanya 3 jenis yang sangat popular iaitu Chengal, Keruing dan Kapor yang harganya mahal. Inilah salah satu sebab yang menyebabkan harga rumah mahal.

Apakah tindakan Kementerian hendak memurahkan harga-harga yang disebutkan tadi?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, harga rumah mahal bukan hanya disebabkan oleh harga kayu mahal, banyak lagi bahan-bahan ataupun faktor-faktor yang perlu kita timbangkan. Walau bagaimanapun, mengenai kayu yang digunakan untuk membangunkan rumah, Kerajaan sentiasa mengkaji bagaimana kita

boleh menentukan supaya kayu yang berharga murah itu dan jenis bermutu tinggi akan dapat harga yang bersesuaian (reasonable) untuk kegunaan pembina-pembina tempatan.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memanglah langkah Kerajaan untuk mengkaji kayu-kayu yang kurang popular untuk dipopularkan itu baik. Saya ingin tahu daripada Kementerian yang berkenaan oleh kerana kita banyak kayu-kayu getah, adakah Kerajaan telah membuat kajian kepada kayu-kayu getah? Kalau telah membuat kajian, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, soalan itu keluar sedikit daripada soalan asal. Namun demikian, kalaulah Ahli Yang Berhormat perhati ataupun lihat selama ini pameran-pameran ataupun press statement daripada Kementerian Perusahaan Utama maka jelas kepada kita terutama sekali kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan memang menitikberatkan penggunaan kayu getah yang kita keluarkan sekarang walaupun dari segi physicalnya belum lagi keluar tetapi kita mempunyai banyak kayu getah, yang sebenarnya Kerajaan memang tentukan supaya kayu getah ini akan dipergunakan dengan pesatnya oleh kita.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Awang bin Jabar.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Awang bin Jabar tidak hadir).

KASINO DI GENTING HIGHLANDS PERJUDIAN/ ARAK—PENGHARAMAN

5. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengumuman beliau berkaitan

dengan pengharaman orang-orang Islam untuk pergi ke Kasino di Genting Highlands telah mendapat sokongan dari umat-umat Islam di negara ini dan jika ya, sama ada beliau juga mengharamkan orang-orang Islam dari membeli 3 dan 4 nombor ekor, Toto dan meminum arak, jika ya bilakah pengharaman ini akan dikuatkuasakan dan jenis denda yang dikenakan ke atas mereka yang didapati melanggar peraturan ini.

20. (16-11-82) Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan kerumitan yang disuarakannya untuk mengharamkan semua jenis perjudian yang dahulunya diluluskan oleh Kerajaan dan sama ada antara lain sebab-sebabnya ialah kerana takut pemegang-pemegang sahamnya menanggung kerugian atau kerana takut pihak Kerajaan kehilangan hasil akibat pengharaman itu.

18. (19-11-82) Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Perdana Menteri menerangkan bila Kerajaan akan mengharamkan judi Loteri Kebajikan Masyarakat, Empat dan Tiga Nombor Ekor, Toto, Lumba Kuda dan sebagainya.

9. (30-11-82) Wan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Kebajikan Am menyatakan apakah Kerajaan bercadang hendak menghentikan perjudian Loteri Kebajikan Masyarakat dan jika "ya" bilakah masanya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Tuan Yang Dipertua, oleh kerana pertanyaan oleh Ahli daripada Matang ini adalah hampir sama dengan pertanyaan-pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa pada 16/11 dan 19/11 dan juga Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas pada 30-11-1982 maka saya memohon izin dari Tuan Yang

Dipertua untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut dengan serentak.

Tuan Yang Dipertua, perlulah dijelaskan bahawa pihak Kerajaan sememangnya "committed" dan telah berkali-kali menegaskan untuk menghapuskan segala bentuk kemaksiatan termasuk perjudian dan arak. Ini dilakukan melalui penerangan-penerangan dan juga melalui kegiatan dakwah yang dijalankan oleh Kerajaan dan Badan-badan dakwah. Masyarakat Islam adalah sentiasa diperingatkan untuk mengelakkan diri dari terjerumus dalam kegiatan-kegiatan tersebut.

Merujuk kepada soalan arak, Jabatan-jabatan Agama Negeri sememangnya mempunyai kuasa untuk menghukum orang-orang Islam yang didapati meminum arak. Dengan adanya hukuman sedemikian jelaslah bahawa Kerajaan bukan sahaja tidak menggalakkan minuman arak bahkan mengharamkannya di kalangan umat Islam. Walau bagaimanapun, adalah difahamkan bahawa Jabatan-jabatan Agama Negeri sedang mengkaji semula hukuman-hukuman tersebut agar ianya akan lebih berat lagi.

Kerajaan juga sedar bahawa pengharaman terhadap minuman arak itu hanyalah ke atas umat Islam. Lantaran itu, adalah dirasakan kurang munasabah pada peringkat ini, saranan untuk mengharamkan sama sekali arak di Malaysia memandangkan wujudnya penduduk pelbagai agama.

Kerajaan juga sedang serius mengkaji usul mengharamkan semua jenis perjudian. Satu permulaan positif ke arah ini adalah pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini bahawa umat Islam akan dilarang dari memasuki Kasino di Genting Highlands. Begitu juga langkah beberapa buah Kerajaan

Negeri mengambil tindakan mengharamkan kelab-kelab perjudian di negeri tersebut.

Walaupun bagaimanapun, perlulah dijelaskan juga beberapa kesulitan berhubung dengan langkah pengharaman tersebut. Pertamanya kerana Kasino adalah melibatkan pekerja-pekerja Islam dan kedua, cara penguatkuasaan pengharaman tersebut. Inilah di antara masalah yang sedang dikaji sehubungan dengan soal pengharaman semua bentuk perjudian di kalangan umat Islam.

Adalah tidak tepat untuk dikaitkan kelewatan langkah tersebut atas alasan takut kerugian kepada pemegang saham. Namun begitu, Kerajaan terpaksa meneliti kesan terhadap badan-badan kebajikan yang mendapat bantuan dari hasil perjudian tersebut agar dapat diperolehi ganti peruntukan (alternative) yang lain.

Kerajaan sentiasa menegaskan dan memperingatkan masyarakat Islam supaya mengelakkan diri mereka dari perjudian dan arak. Langkah-langkah juga diambil peringkat demi peringkat bagi mencapai maksud tersebut. Namun, kajian dan implikasinya juga harus disedari supaya persiapan dan penerangan dapat dilakukan. Dan akhir sekali, prinsip yang diamalkan di dalam Kerajaan berhubung dengan Undang-undang dan hukuman ialah bahawa menegakkan hukum secara berkesan adalah juga melalui kesedaran tentang keperluan hukuman itu di kalangan rakyat.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah rancangan-rancangan untuk menghapuskan perjudian di negara ini.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, seperti saya telah jelaskan bahawa langkah-langkah ini diambil peringkat demi peringkat. Pertamanya, sepertimana diumumkan

oleh Y.A.B. Perdana Menteri menghalang sama sekali umat Islam dari masuk ke Kasino, kemudian beberapa Kerajaan Negeri juga telah melarang perjudian di negeri masing-masing. Keduanya yang juga banyak ditekankan oleh Kerajaan ialah memberi penerangan dan dakwah kepada orang Islam terutamanya supaya mengelakkan diri daripada perjudian.

Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah dalam hasrat Kerajaan hendak menghapuskan perjudian itu termasuk juga Loteri Kebajikan Masyarakat kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menyebut.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya jenis perjudian kalau hendak sebut semuanya panjang. Jadi bila disebut perjudian, adalah mencakup semua sekali, cuma dalam pelaksanaannya, itu terpaksa dikaji bukan sebagai dalih untuk tidak mengadakan peraturan kerana komitmen dalam hal ini telah pun dibuat oleh Y.A.B. Perdana Menteri sendiri. Tetapi kalau bersabit dengan soalan Yang Berhormat dari Rantau Panjang berhubung dengan Loteri Kebajikan Masyarakat untuk menghalang umat Islam dari membeli, itu sukarlah hendak dilaksanakan pada peringkat ini. Tetapi saya hendak jelaskan bahawa hal ini sedang dikaji dengan serius oleh satu jawatankuasa sekarang ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Timbalan Menteri dengan adanya undang-undang mengharamkan orang Islam minum arak, apakah Kerajaan bercadang tidak akan memberi kebenaran ataupun tidak akan memberi lesen bagi penjualan arak-arak di restoran-restoran yang terbuka ataupun di kedai-kedai

ataupun di mana-mana sahaja, hanya dibenarkan di tempat-tempat yang khas, misalnya, di bar yang dikhaskan bagi minuman arak itu sahaja.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Kerajaan sedang meneliti cadangan-cadangan tersebut, terutama kerana bukanlah maksud Kerajaan untuk menggalakkan minuman ini. Tetapi sepertimana juga yang telah kita tegaskan pengharaman arak ini di dalam Islam sekalipun hanyalah kepada orang-orang Islam dan tidak ada peruntukan untuk mengharamkan arak di kalangan bukan Islam. Jadi, Kerajaan tidaklah berhasrat mengambil tindakan untuk meniadakan atau menafikan hak orang-orang bukan Islam dari meminum arak.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada keputusan untuk mengharamkan perjudian dan minuman arak untuk orang Islam ini dibuat atas kesedaran pihak Kerajaan sendiri bahawa perkara ini adalah perkara maksiat, perkara mungkar yang bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam, atau dibuat oleh kerana ada desakan-desakan atau memorandum-memorandum yang disampaikan oleh parti-parti politik atau parti politik yang selama ini bercakap besar hendak menegakkan sebuah negara Islam di negara ini.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Kerajaan melaksanakan ini sebagai menyempurnakan tanggungjawabnya. Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah memang terbuka terhadap mana-mana pandangan dari mana-mana kalangan sekalipun.

Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh kerana undang-undang mengharamkan perjudian, minuman arak ditujukan kepada orang Islam, jadi rasa saya

kemungkinan kepada orang-orang yang telah biasa melakukan perbuatan-perbuatan maksiat dan minuman keras ini akan mencari jalan bagaimana untuk melepaskan dirinya masuk ke tempat-tempat tersebut seperti di Casino dan sebagainya. Kemungkinan ada yang berpura-pura menyatakan dia ini bukan Islam untuk dia masuk ke situ. Dan ini menyebabkan Kerajaan akan bertanggungjawab atau merupakan dosa Kerajaan kerana undang-undang yang dibuat akan menyebabkan banyak orang melakukan perkara yang seperti ini. Jadi, bagaimanakah cara Kerajaan hendak menyekat perkara-perkara ini supaya jangan berlaku dan mengenakan hukuman kepada orang-orang yang terlibat.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, sebab itulah di dalam strategi Kerajaan tumpuan adalah untuk memberikan penerangan dan kesedaran di kalangan masyarakat mengapa hukuman itu perlu. Walau bagaimanapun, adalah tidak tepat untuk dikaitkan dengan segala maksiat yang berlaku yang dilakukan oleh orang perseorangan dibebankan dosanya kepada Kerajaan. Saya fikir dalam Islam pun tidaklah begitu melainkan Kerajaan itu bertanggungjawab dari segi menggalakkan kegiatan tersebut. Sekarang kalau peraturan dibuat untuk orang jangan masuk ke Casino ini, dia curi masuk, itu hal dialah, kalau kita tangkap kita hukum, kalau tidak dapat hendak buat macam mana? (*Ketawa*). Begitu juga dalam soal larangan seperti Tuan Yang Dipertua tahu, kita tidak membenarkan orang mencuri tetapi ada juga orang mencuri, takkanlah oleh kerana pencurian itu berlaku, Kerajaan pula hendak disalahkan.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai tindakan Kerajaan untuk mengharamkan perjudian dan minuman arak, adakah Kerajaan berhasrat untuk mengharamkan orang-orang

Islam mengambil bahagian atau penyertaan dalam perniagaan atau syarikat-syarikat yang ada bersangkutan dengan perjudian atau arak semacam Genting Highlands, Malayan Breweries, menjadi pengarah dan lain-lain.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, saya harap Tuan Yang Berhormat boleh bersabar kerana dalam tindakan hanya dibuat mengikut peringkat, dan tidak boleh dibuat sekali gus. Jadi, tujuan kita sekarang adalah tidak menggalakkan dan tidak membenarkan umat Islam dari berjudi atau minum arak, yang lain itu perlahan-lahanlah. Tidak bolehlah digalakkan atau ditekankan supaya semua dilakukan dalam satu masa. Terima kasih.

Tuan Daud bin Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, adakah Kerajaan sedar perjudian dan minuman arak itu adalah ditegah oleh semua agama kerana ianya merosakkan kehidupan manusia. Jadi, mengapakah maksiat ini tidak diharamkan terus menerus di dalam negeri ini.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, sukarlah untuk hendak dikatakan arak itu diharamkan oleh semua agama walaupun kita tahu semua agama tidak menggalakkan terutama perjudian, tetapi Kerajaan mengambil satu sikap bahawa penjelasan itu perlu diberikan, kesedaran kepada masyarakat itu perlu diwujudkan. Tetapi Kerajaan merasakan untuk peringkat ini kurangnya bijak untuk diwajibkan atau dikenakan peraturan ini kepada semua. Langkah yang diambil hanyalah sekadar menghalang masyarakat Islam daripada melakukannya dan secara umumnya tidak menggalakkan masyarakat bukan Islam daripada terlibat dalam perjudian.

AEROBUS—KAJIAN KEMUNGKINAN

6. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada dalam projek "Aerobus" yang akan diadakan di Wilayah Persekutuan satu kajian pelaksanaan, "feasibility study" pernah diadakan; jika ada apakah muatannya (carrying capacity) bagi sejam; dapatkah Aerobus menyelesaikan masalah pengangkutan penumpang di Wilayah Persekutuan; berapakah jumlah perbelanjaannya.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan soalan Yang Berhormat itu, izinkan saya maklumkan bahawa Kajian Kemungkinan Awal Projek "Aerobus" telah pun dijalankan. Mengikut kajian itu jumlah penumpang yang dianggarkan boleh dibawa dalam satu jam ialah 7,500 orang. Anggaran ini adalah berdasarkan kepada penggunaan 15 buah "coach" yang boleh membawa 125 penumpang bagi tiap-tiap "coach" dan menggunakan laluan 5 kilometer di pusat bandaraya.

Untuk menyelesaikan masalah pengangkutan penumpang di Wilayah Persekutuan ini, ia memerlukan satu sistem pengangkutan yang komprehensif dan sistem "Aerobus" ialah untuk memberi khidmat tambahan kepada sistem yang sudah ada seperti bas dan teksi. Kedua, ianya sebagai khidmat sokongan kepada sistem laju ringan yang dirancangkan untuk pengangkutan penumpang dari luar bandar masuk ke Kuala Lumpur. Apabila sistem pengangkutan yang komprehensif ini dapat berjalan lancar dan sepenuhnya, adalah diharapkan masalah pengangkutan awam dapat diatasi. Sistem ini juga dijangka dapat mengurangkan masalah lalulintas di

Kuala Lumpur. Dari segi kosnya pula, dijangka \$83.8 juta diperlukan bagi pembinaan sepanjang 5 kilometer sistem ini yang melalui Jalan Bukit Bintang, menuju ke Jalan Pudu, Jalan Tun Perak, Jalan Raja Laut, Jalan Ipoh; dan berakhir di stesen bas Jalan Pekeliling.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, siapakah yang bertanggungjawab untuk membina projek Aerobus ini dan adakah mereka termasuk syarikat asing. Dan kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan bahawa tapak yang digunakan oleh pembinaan stesen Aerobus misalnya di Jalan Bukit Bintang di mana Pasar Bukit Bintang akan diambil balik, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan bahawa semua yang terlibat dalam projek ini akan ditempatkan semula.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang Dipertua, sistem ini akan dijalankan joint-venture antara Kerajaan dengan pihak swasta tempatan.

Mengenai dengan orang-orang yang terlibat, saya kira yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah penjaja-penjaja, perkara ini akan diatasi apabila sampai masanya kelak.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Dalam jawapannya tadi Yang Berhormat Menteri ada menjelaskan bahawa perkhidmatan Aerobus ini akan menjadi suatu macam supplementary kepada perkhidmatan bas dan teksi yang ada sekarang. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apakah kesan ekonomi kepada orang-orang yang mengendalikan perkhidmatan bas dan juga teksi sama ada jumlah mereka akan dikurangkan apabila perkhidmatan Aerobus ini diadakan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang Dipertua, seperti yang saya katakan tadi sistem ini adalah sebagai tambahan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang sudah ada seperti bas. Tidaklah kita menyekat pula adanya bas di Kuala Lumpur ini. Adanya sistem ini sebagai sistem tambahan untuk menambahkan lagi kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh masyarakat kita terutama sekali di Kuala Lumpur ini. Apabila sistem ini sudah dilaksanakan nanti tentulah bas dan teksi juga akan diperbaiki perkhidmatannya.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Menurut keterangan dari Yang Berhormat Menteri yang berkenaan saya sangat tertarik dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam segi mengkaji rancangan Aerobas untuk digunakan sebagai satu kemudahan pengangkutan awam. Saya difahamkan bahawa kajian dijalankan adalah berasas kepada faktor-faktor semasa dan tinjauan kemudahan-kemudahan yang diperlukan pada masa yang akan datang. Pada hemat saya terdapat beberapa perkara yang penting dan merancang projek seumpama ini antaranya ialah:

- (1) Perangai kemanusiaan.
- (2) Pergerakan manusia dari satu tempat ke satu tempat yang lain.
- (3) Faktor-faktor sosial seperti riadah.

Saya ingin bertanya, kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk menentukan bahawa projek Aerobus apabila dilaksanakan kelak akan sesuai untuk kegunaan semasa memandangkan perubahan faktor-faktor sosio-ekonomi dan corak pergerakan manusia.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang Dipertua, sebarang masalah, atau perkara yang berkaitan dengan sistem ini termasuk perengai manusia memang sudah kita tinjau dan kita beri perhatian khas, maka itu sistem ini akan kita ubahsuaikan mengikut keadaan yang ada di Kuala Lumpur ini.

Dengan adanya hasrat Kerajaan untuk melaksanakan pelan induk Kuala Lumpur maka sistem ini juga akan disesuaikan dengan rancangan tersebut. Dan juga satu lagi langkah yang akan diambil oleh Kerajaan ialah memberi penerangan-penerangan yang tertentu dan yang diperlukan untuk memastikan bahawa rakyat dapat menerima sistem ini bersama-sama dengan sistem-sistem lain yang ada di Kuala Lumpur ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri, adakah perbelanjaan \$83.8 juta itu termasuk maintenance cost dan alat-alat ganti dan dengan perbelanjaan yang begitu besar dari segi cost effectiveness dengan tiap-tiap pagi dan lebih daripada 50,000 penumpang yang masuk ke Kuala Lumpur melalui pengangkutan awam ini, adakah dari segi cost effectiveness ini sesuai untuk Kuala Lumpur?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang Dipertua, seperti yang saya jelaskan awal-awal tadi sistem ini memangnya pun sudah dikaji dengan lebih awal dengan mengambil kira semua aspek termasuk kos dan sistem ini bukannya merupakan satu sistem yang bersendirian. Selain daripada ini Kerajaan juga pada masa ini sedang mengkaji untuk mengadakan satu sistem seperti yang saya katakan tadi iaitu Light Rapid Transit System sebagai tambahan kepada sistem ini. Jadi, saya kira perkara-perkara seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat

tadi iaitu penumpang-penumpang yang begitu banyak datang ke Kuala Lumpur ini sudahlah diambilkira apabila kita melaksanakan sistem ini.

PEMBERIAN KEPADA NEGERI-NEGERI

7. **Tuan Ismail bin Arshad** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang akan menyemak semula peraturan dan kadar pemberian wang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri di Malaysia dengan memberikan pertambahan dan peruntukan yang lebih kepada Negeri-negeri yang kurang maju terutama bagi negeri yang menyumbangkan hasil keperluan makanan utama bagi negara yang sebaliknya tidak membawa sebarang pulangan hasil bagi negeri tersebut.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Pusat sedang menjalankan kajian semula ke atas semua pemberian kepada negeri-negeri dengan tujuan menambahkan kadar-kadar pemberian tersebut, di mana tumpuan adalah diberi kepada negeri-negeri yang kurang maju. Di dalam menjalankan kajian itu, beberapa faktor tertentu akan diambilkira dan diberikan penekanan, di antaranya:

- (i) Tahap pembangunan infrastruktur negeri-negeri.
- (ii) Pendapatan per kapita.
- (iii) Pendapatan isi rumah.
- (iv) Kadar pertumbuhan ekonomi.
- (v) Kadar kesejahteraan hidup seperti kadar kematian bayi, kadar buta huruf dan sebagainya.
- (vi) Keadaan kemiskinan.
- (vii) Sumber-sumber hasil negeri.

Faktor-faktor tersebut diambilkira dan diberi tekanan dengan tujuan supaya negeri-negeri yang kurang

maju akan mendapat faedah yang lebih besar di samping memastikan bahawa matlamat Kerajaan untuk membangunkan negara ini secara seimbang akan tercapai. Saya berpendapat bahawa dengan menggunakan faktor-faktor tambahan seperti yang disebutkan tadi, pemberian-pemberian itu akan dapat disalurkan kepada negeri-negeri dengan lebih saksama lagi sesuai dengan tahap pencapaian pembangunan sesebuah negeri itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kajian-kajian ke atas Pemberian Pertambahan Hasil telah pun selesai dibuat manakala kajian ke atas Pemberian Jalan Negeri pula telah sampai ke peringkat akhir. Melalui kajian semula ke atas kedua-dua pemberian itu sahaja, negeri-negeri telah mendapat faedah tambahan tahunan sebanyak kira-kira \$100 juta mulai tahun 1982.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, apakah bentuk pemberian Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri, sama ada bentuk geran ataupun pinjaman. Jika diberi secara pinjaman, adakah pihak Kementerian mempunyai badan khas di bawah Perbendaharaan bagi memungut balik kewangan pinjaman yang diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri kerana terdapat Kerajaan Negeri yang mampu membayar tetapi tidak membayar balik pinjaman kepada Kerajaan Pusat.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang Dipertua, soalan yang dikemukakan ini adalah berkaitan dengan pemberian (grant) kepada negeri-negeri dalam mana pada dahulunya sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan kita cuma dua bentuk pemberian sahaja diizinkan oleh Perlembagaan untuk diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri,

iaitu pemberian jalan raya dan pemberian berdasarkan kepada bilangan penduduk di negeri-negeri. Tetapi dalam tahun 1977 Kerajaan telah mengemukakan satu cadangan baru iaitu memberi pemberian pertambahan hasil kepada negeri-negeri dan ini telah dapat menampung sedikit sebanyak kekurangan yang dialami oleh negeri-negeri yang kurang maju.

Sememangnya banyak bentuk bantuan diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sama ada secara pemberian ataupun secara pinjaman dan pinjaman-pinjaman ini terbahagi kepada berbagai-bagai bentuk. Ada pinjaman yang diberi secara jangka panjang dengan tidak dikenakan faedah langsung, ada pula kadangkala diberikan pinjaman dengan kadar faedah yang agak rendah dan ada kalanya dengan agak yang tinggi kalaulah satu-satu projek itu merupakan projek yang komersial. Jadi, Kerajaan Pusat sentiasa menimbang supaya Kerajaan-kerajaan Negeri tidak dibebankan dengan tanggungan-tanggungan yang berat memandang bahawa punca kehasilan bagi negeri-negeri amat terhad. Oleh sebab itulah Kerajaan Persekutuan selalu memberi pertimbangan yang halus untuk membantu negeri-negeri terutama sekali yang kurang maju dan mengalami kekurangan tiap-tiap tahun.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam kajian semula, masalah pemberian kepada Kerajaan Negeri-negeri, adakah satu perkara diambil dalam kajian ialah satu masalah yang dihadapi oleh semua Kerajaan Negeri iaitu kekurangan wang di Majlis Perbandaran atau Kerajaan Tempatan untuk menjalankan bukan sahaja projek-projek pembangunan, tetapi untuk menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan yang asas. Adakah Kerajaan boleh menimbang supaya

mewujudkan satu geran yang baru khas untuk membolehkan Kerajaan Tempatan membuat infrastruktur dan perkhidmatan yang asas seperti kesihatan, jalan, longkang dan lain-lain dengan satu taraf yang tinggi, bukan sahaja satu launching grant yang ada dibuat, tetapi satu geran yang tetap melalui Kerajaan Negeri.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang Dipertua, memang ini adalah merupakan salah satu daripada perkara yang diambilkira dalam kajian semula pemberian kepada negeri-negeri. Dan sebagaimana diketahui umum kita telah pun memberi geran pelancaran apabila Majlis-majlis Daerah telah disusun semula sejak awal tahun 1977 dan kita juga telah memberi geran tahunan untuk bantuan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dapat membantu mengadakan berbagai-bagai kemudahan dalam kawasan-kawasan Majlis-majlis Daerah dan juga Majlis-majlis Perbandaran, tetapi sukarlah bagi kita hendak menampung segala ongkos, segala perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh Penguasa Tempatan yang ada di bawah Kerajaan-kerajaan Negeri oleh kerana rancangan-rancangannya berlainan kaedah dan kita perlu menimbang setiap satu permohonan yang dimajukan menerusi Kerajaan Negeri sebelum dapat kita bersetuju memberi apa juga jenis bantuan kepada Majlis-majlis Daerah yang berkenaan. Tetapi walau bagaimanapun, Kerajaan Pusat sentiasa mengadakan berbagai-bagai rancangan untuk membantu Kerajaan Negeri mengadakan secukup-cukupnya kemudahan di dalam tiap-tiap Majlis Daerah yang ada di seluruh tanahair.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang Dipertua, negeri Kedah dan negeri Kelantan kedua-duanya adalah negeri yang diketahui umum kurang maju. Di dalam pemberian geran ini yang mana satu diberatkan, Kelantankah ataupun Kedahkah?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang Dipertua, Kelantan dan Kedah ini barangkali kurang maju kerana banyak sangat tentangan politik dari bawah (*Ketawa*) di negeri-negeri itu yang Ahli Yang Berhormat sebelah sana pun faham dan tahu, tetapi saya tidak dapat hendak membutirkan manakah satu negeri akan mendapat lebih, itu tunggulah akan ini siap kelak.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut penerangan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi mengatakan sedang dalam pertimbangan kepada negeri-negeri yang kurang maju akan diberi bantuan. Adakah selain daripada itu mendapat perhatian atau pertimbangan khas atau istimewa di segi peruntukan pembangunan dan sebagainya bagi kawasan-kawasan yang mundur ataupun di KASBAN?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang Dipertua, sememangnya kawasan-kawasan yang kurang membangun seperti Baling umpamanya mendapat perhatian, bukan sahaja daripada Kerajaan Persekutuan tetapi juga pihak Kerajaan Negeri. Jadi, apabila pemberian ini diberi kepada Kerajaan Negeri, terpulanglah kepada Kerajaan Negeri untuk memberikan perhatian khusus kepada kawasan-kawasan seumpama itu.

Tuan Mohammad Yahya Lampong: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah sumbangan kewangan negeri-negeri kepada pendapatan negara diambil kira selain daripada lain-lain faktor apabila memberikan peruntukan pembangunan kepada negeri-negeri.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Jawabnya, Tuan Yang Dipertua, ya.

Tuan Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu bantuan-bantuan kepada Kerajaan Negeri itu adakah termasuk bantuan-bantuan untuk membangunkan ataupun mengadakan kampung-kampung tersusun di tiap-tiap negeri?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Persekutuan memang mengadakan peruntukan khas untuk rancangan istimewa yang dijalankan oleh Kerajaan Perak iaitu mengenai Rancangan Kampung-kampung Tersusun dan bantuan untuk rancangan ini bagi tahun 1983 telah pun disediakan.

Timbalan Yang Dipertua: Soalan yang terakhir.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa peruntukan kewangan akan diberikan priority atau keutamaan kepada negeri-negeri yang kurang maju. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada setengah negeri yang sudah maju seperti negeri Perak misalnya, yang mana hasil-hasilnya banyak, tetapi masih banyak kawasan-kawasan negeri Perak yang masih mundur seperti di daerah Ulu Perak, Hilir Perak, Daerah Kecil Selama dan juga di setengah-setengah kawasan saya sendiri di Matang. Jikalau sedar, apakah langkah-langkah dan tindakan yang sewajar Yang Berhormat Menteri Kewangan akan diambil di daerah-daerah yang saya sebutkan tadi?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang Dipertua, memang Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri sedar tentang ada kawasan-kawasan yang kurang maju dalam negeri-negeri yang dianggap

maju dari segi KDNK. Jika kita telah pun menyusun berbagai strategi untuk mengatasi kesulitan yang dihadapi oleh rakyat di kawasan-kawasan yang kurang maju ini; berbagai bentuk rancangan telah diadakan untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah yang ada di kawasan kurang maju itu. Itulah sebab berbagai rancangan telah diatur di bawah Rancangan Malaysia Keempat sama ada rancangan sosial ataupun rancangan ekonomi yang berbentuk pertanian dan sebagainya untuk diadakan di kawasan-kawasan ini supaya dapat membangunkan dan memajukan kawasan tersebut supaya dapat setanding dengan kawasan-kawasan yang sudah pun maju.

PEKERJA-PEKERJA LOMBONG— PEMBERIAN SUBSIDI KEWANGAN

8. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan oleh kerana perusahaan timah Malaysia telah menerima 36 peratus potongan eksport yang tiada dapat dielakkan sepertimana yang telah diumumkan oleh Majlis Timah Antarabangsa dan dengan demikian mengwujudkan banyak pemberhentian pekerja-pekerja lombong; adakah Kerajaan akan menimbangankan pemberian subsidi kewangan kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan perkhidmatan mereka.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, setakat ini Kerajaan tidak bercadang mempertimbangkan dan melaksanakan apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR—TABUNG DARAH

9. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar pada September 2, 1982

seorang mahasiswi Universiti Malaya berumur 20 tahun, Yeu Kim Keok, telah dimasukkan ke Pusat Perubatan Sentosa, Kuala Lumpur, kerana mengidap penyakit kencing manis (diabetes) dan ujian darah lanjut juga menunjukkan bahawa beliau mengidap penyakit "auto immune haemolytic anaemia"; pada September 4, satu permintaan cemas telah dibuat oleh pusat tersebut kepada Hospital Besar, Kuala Lumpur untuk mendapatkan darah dan permintaan ini ditolak oleh pihak berkenaan dan pada September 6, satu lagi permintaan yang sama telah dibuat dan kali ini permintaan tersebut diluluskan tetapi sudah terlewat dan pesakit meninggal dunia pada petang hari itu juga; jika ya, apakah sebabnya permintaan cemas pertama ditolak kerana sekiranya permintaan pertama itu dibenarkan, mungkin pesakit berkenaan dapat diselamatkan dan nyatakan sama ada terdapat apa-apa persiapan (arrangements) di antara hospital-hospital Kerajaan dan pusat-pusat/hospital-hospital swasta untuk bekerjasama dalam kes-kes kecemasan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, tuduhan Ahli Yang Berhormat bahawa Tabung Darah Hospital Besar, Kuala Lumpur tidak memberi layanan atas permintaan dari Pusat Perubatan Sentosa adalah tidak benar. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hospital-hospital swasta sentiasa mendapat kerjasama dari Tabung Darah Hospital Besar, Kuala Lumpur, dan mereka boleh mendapatkan darah dari Tabung ini. Dalam kes yang berkenaan, Pusat Perubatan Sentosa, iaitu sebuah hospital persendirian telah meminta Tabung Darah Hospital Besar Kuala Lumpur pada 4hb September, 1982 untuk membekalkan darah yang tertentu untuk seorang pesakit, Yeu Kim Keok.

Oleh kerana dalam kes ini pesakit mengidap sejenis penyakit darah yang dinamakan "auto immune haemolytic anaemia", Tabung Darah menghadapi kesukaran mendapatkan darah yang sesuai untuk pesakit yang menghadapi penyakit ini. Saya diberitahu bahawa pesakit-pesakit seperti ini memerlukan darah dari kumpulan tertentu, yang mana pada lazimnya tidak boleh diperolehi melalui cara-cara biasa. Walaupun satu ujian penyesuaian darah (cross-match) telah dijalankan, tetapi didapati tidak ada darah yang sesuai (compatible) dapat disediakan. Sungguhpun demikian, Tabung Darah terus berusaha untuk mendapatkan darah yang sesuai dan pada 6hb September, 1982 Tabung itu telah mendapatkan darah yang bukan sepenuhnya sesuai (completely compatible) dengan pesakit tetapi boleh diberikan kepada pesakit. Darah ini telah dibekalkan dengan penerangan mengenai darah itu kepada Pusat Perubatan Sentosa sebagai satu usaha untuk menyelamatkan nyawa pesakit yang berkenaan.

Dengan demikian, saya berharap bahawa Ahli Yang Berhormat tidak akan membuat teguran yang tidak benar dan tidak berasas, oleh kerana ini akan menjejaskan hubungan baik di antara Tabung Darah dengan hospital-hospital persendirian sekarang ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkenaan sama ada beliau sedar bahawa dalam soal pemberian atau pengeluaran darah daripada Tabung Darah kepada pesakit, pihak hospital nampaknya terlampau rigid di dalam melaksanakannya dan menjalankan peraturan hospital iaitu walaupun dalam kes kecemasan sekalipun mereka tidak akan mengeluarkan darah daripada Tabung Darah yang ada sehingga ada orang yang sanggup

menderma darah bagi menggantikan darah yang diambil dari Tabung itu. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada perkara ini boleh dikendurkan iaitu dalam kes-kes kecemasan di mana darah diperlukan serta-merta, maka soal mencari penderma darah sepatutnya tidak timbul pada masa itu, selepas darah diberikan barulah dicari pendermannya.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, soalan itu adalah satu soalan lain, tetapi kalau Yang Berhormat Menteri hendak menjawab bolehlah.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, memang menjadi amalan bahawa hospital meminta supaya mereka yang berkehendakan darah—bukan pesakit—tetapi saudara-mara mereka menggantikan darah yang akan dibekalkan kepada pesakit berkenaan. Di dalam masa kecemasan tidaklah saudara-maranya itu dikehendaki pergi mencari saudara-maranya untuk membekalkan darah serta-merta, itu bolehlah digantikan kemudian kelak. Inilah arahan yang telah dikeluarkan kepada semua hospital, tetapi jikalau ada kes-kes tertentu di mana ada perkara itu terjadi, saya harap dapat butir-butirnya supaya saya dapat menyiasat.

DOKTOR WANITA ASING— PENDAFTARAN

10. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedia memberikan peluang pendaftaran kepada doktor-doktor wanita Warganegara asing yang bersuamikan warganegara Malaysia.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, sukacita saya memaklumkan bahawa saya telah mengadakan satu perjumpaan dengan Majlis Perubatan Malaysia tentang

masalah yang dihadapi oleh doktor-doktor wanita asing yang bersuamikan warganegara Malaysia. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kuasa untuk mendaftarkan doktor-doktor terletak pada Majlis Perubatan Malaysia di bawah Akta Perubatan, 1971. Doktor-doktor tersebut boleh dibahagi-bahagikan kepada 3 kategori:

- (1) doktor-doktor yang layak diberi pendaftaran penuh;
- (2) doktor-doktor yang layak diberi pendaftaran sementara (provisional registration);
- (3) doktor-doktor yang tidak layak didaftar kerana ijazah mereka tidak diiktirafkan.

Dalam perjumpaan saya dengan Majlis Perubatan Malaysia baru-baru ini, saya diberitahu bahawa dari segi pendaftaran, mereka dalam kategori (1) tidak menghadapi masalah. Bagi kategori (2) pendaftaran sementara adalah bergantung kepada kekosongan jawatan doktor pelatih sedia ada yang boleh diisi. Pada masa ini, bilangan jawatan doktor pelatih adalah mencukupi untuk menampung doktor-doktor warganegara sahaja. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk menambahkan jawatan-jawatan ini. Dengan demikian, maka doktor-doktor dalam kategori (2) akan diberi peluang untuk mengisi jawatan-jawatan tambahan ini apabila diluluskan, dengan persetujuan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Bagi kategori (3) pula, mereka adalah dikehendaki lulus peperiksaan kelayakan dahulu yang dianjurkan oleh Majlis Perubatan Malaysia sebelum boleh dipertimbangkan untuk pendaftaran sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia. Dasar sekarang

ini ialah supaya peperiksaan ini dibuka untuk warganegara saja dan ianya sedang dikaji semula oleh Kementerian.

Untuk membolehkan Kementerian mendapatkan butir-butir yang lebih lanjut lagi tentang doktor-doktor yang berkenaan, saya harap mereka boleh berhubung terus dengan Kementerian dengan memberitahu butir-butir mengenai kelayakan mereka masing-masing.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kesihatan cara-cara yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri kepada wanita-wanita warganegara asing yang bersuamikan warganegara ini yang mempunyai ijazah kedokteran. Apakah cara seperti ini juga dibuat kepada doktor-doktor daripada negara asing yang diambil secara kontrak dalam negeri kita?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, doktor-doktor asing yang diambil secara kontrak memang sudah mendapat ijazah untuk pendaftaran penuh di bawah Akta Perubatan dan masalah yang saya sentuh tadi tidak timbul dalam konteks itu.

SYARIKAT TAYAR I.T. INTERNATIONAL—KERUGIAN

11. **Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah beliau bercadang untuk mengkaji kedudukan Syarikat I.T. International Mergong Kedah yang sedang mengalami kemerosotan berjumlah kira-kira 5 juta ringgit tahun lalu dan masih lagi rugi pada kadar kira-kira \$200,000 sebulan sekarang dan nyatakan apakah sebab-sebabnya Syarikat ini mengalami kerugian dan apakah tindakan akan diambil untuk mengatasi keadaan ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang Dipertua, Syarikat I.T. International di Mergong Kedah telah memulakan pengeluaran tayar celup, tayar basikal dan tayar motosikal dalam tahun 1980 serta tayar kereta penumpang dan tayar kereta perdagangan dalam tahun 1981. Sehingga ini syarikat telah dilaporkan mengalami kerugian terkumpul dianggarkan \$8 juta.

Sebab-sebab utama syarikat ini mengalami kerugian telah pun dikesan oleh pemegang-pemegang saham serta Lembaga Pengarahnya. Saya difahamkan bahawa pihak syarikat sedang mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah yang dihadapinya. Oleh kerana langkah-langkah ini merupakan strategi syarikat itu sendiri, adalah tidak wajar di ketika ini untuk diketahui umum. Eloklah pihak-pihak yang terlibat dalam syarikat tersebut diberi peluang dahulu untuk mengatasi sendiri masalah yang dihadapinya. Kementerian saya akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya apabila pihak syarikat mengemukakan cadangannya setakat mana yang memerlukan kelulusan Kerajaan.

Timbalan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4 dan 12 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).

SKIM SEWABELI BOT

4. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementeriaannya bercadang mengkaji semula skim menolong nelayan menerusi sistem sewabeli bot.

Tuan Luhat Wan: Skim sewabeli bot telah mendapat sambutan yang baik daripada kalangan nelayan.

Kementerian saya akan meneruskan skim ini dengan bot-bot yang ada di dalam pembinaan sebanyak 18 buah.

PESAKIT DI HOSPITAL— LAYANAN

12. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Kesihatan bagi membetulkan hal-hal terjadi di Hospital Kerajaan seperti tidak ambil berat terhadap pesakit hingga sebabkan kematian, pemberian ubat-ubat yang salah kepada pesakit dan adakah Kementerian mengambil tindakan terhadap orang-orang yang berkenaan.

Tan Sri Chong Nyan: Tuduhan Ahli Yang Berhormat adalah terlalu luas untuk saya memberikan jawapan yang tertentu. Beliau nampaknya seolah-olah menyatakan bahawa pegawai-pegawai iktisas tidak mengambil berat terhadap pesakit-pesakit pada amnya. Tuduhan seperti ini adalah tidak wajar sama sekali.

Sebagai pegawai iktisas, pegawai-pegawai perubatan dan kakitangan di hospital-hospital kerajaan sentiasa menjalankan tanggungjawab mereka dengan penuh kesedaran bahawa tugas-tugas mereka adalah untuk menyelamatkan nyawa.

Mereka jua mengetahui bahawa sekiranya terdapat kes-kes kecuaiian atau pengabaian dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan, Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan tatatertib terhadap mereka setimpal dengan kesalahan yang dilakukan, setelah penyiasatan yang teliti dibuat.

Setakat ini hospital-hospital kerajaan memberikan perkhidmatan rawatan dan perubatan kepada lebih dari 10 juta orang pesakit luar dan 900,000 orang pesakit-pesakit wad

setiap tahun. Angka-angka ini membuktikan bahawa pada keseluruhannya orang ramai mempunyai keyakinan terhadap hospital-hospital kerajaan.

BIASISWA/DERMASISWA KERAJAAN

13. Dato' Lee Kim Sai minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai penuntut yang sedang mengikuti pelajaran di peringkat pengajaran tinggi di dalam dan juga di luar negeri mendapat pemberian biasiswa dan dermasiswa Kerajaan dan apakah kriteria penuntut-penuntut ini ditawarkan biasiswa dan dermasiswa Kerajaan.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Jumlah penuntut yang menerima biasiswa Kerajaan dan sedang mengikuti pelajaran di peringkat pengajian tinggi di dalam negeri ialah seramai 18,710 orang dan di luar negeri ialah seramai 13,895 orang. Kriteria yang digunakan di dalam pemberian biasiswa dan dermasiswa Kerajaan ialah di antara lain kelayakan akademik, latar-belakang kewangan, prestasi temuduga, dan juga bidang-bidang pengajian mengikut keperluan Negara.

TINGKATAN ENAM ALIRAN SAINS/SASTERA

14. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) apakah kriteria-kriteria baru yang digunakan mulai tahun ini dalam pengambilan masuk Tingkatan Enam aliran sains dan sastera bagi pelajar-pelajar Bumiputera dan Bukan Bumiputera.

(b) apakah kelonggaran telah diberi kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dalam sukan.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, kriteria-kriteria baru dalam pengambilan masuk Tingkatan Enam aliran sains dan sastera adalah diubah sedikit untuk menyelaraskan dengan permulaan sistem sijil terbuka pada Peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada tahun ini. Pengambilan ke Tingkatan VI Rendah adalah terbuka kepada semua murid yang lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Penentuan kemasukan dalam jurusan sastera dan sains adalah berdasarkan agreget yang akan ditetapkan bagi tiga matapelajaran yang berkenaan (cognate subjects). Penentuan agreget ini adalah berdasarkan tempat kekosongan yang telah disediakan dan berubah dari setahun ke setahun mengikut keadaan semasa. Bagaimanapun *kepujian* dalam Bahasa Malaysia adalah diwajibkan kepada semua pelajar-pelajar yang masuk ke jurusan sastera.

(b) Murid-murid yang baik dan mencapai taraf-taraf yang tertentu bukan saja di bidang sukan dan permainan tetapi juga dari aktiviti-aktiviti kokurikular yang lain adalah diberi pertimbangan khas berdasarkan perakuan dari pihak-pihak yang tertentu negeri Pengarah Pelajaran Negeri, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) dan Guru Besar Sekolah, dan terhad kepada kekosongan tempat di tiap-tiap negeri masing-masing.

UPACARA PERKAHWINAN KAUM CINA DI KLUANG

15. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar akan sungutan dari kaum Cina di Kluang iaitu sejak terlaksananya Akta Perkahwinan yang baru mereka terpaksa menunggu selama 3 hingga 4 bulan sebelum perkahwinan-perkahwinan dapat dijalankan dan mengapa perkara ini berlaku; nyatakan juga mengapa tidak dilantik seorang Penolong Pendaftar Perkahwinan dari orang Cina pada hal beberapa nama telah dicadangkan berhubung dengan perkara ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Kementerian saya sedar masalah yang dihadapi mengenai Pengupacaraan Perkahwinan di Pejabat Pendaftaran Daerah Kluang di peringkat permulaan pelaksanaan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 yang telah dikuatkuasakan pada 1hb Mac, 1982. Walau bagaimanapun tindakan telah diambil untuk memastikan supaya pengupacaraan perkahwinan dapat diuruskan dalam tempoh 15 hari, selepas tamat tempoh 21 hari notis perkahwinan dipamerkan.

Mengenai perlantikan Penolong Pendaftar Perkahwinan di Daerah Kluang, Jabatan Pendaftaran Negara telah melantik tiga orang Penolong Pendaftar Perkahwinan dari Persatuan bangsa Cina dan seorang dari Persatuan bangsa Cina dan seorang dari Rumah Berhala Tien Foh See Kluang.

DISIPLIN DI SEKOLAH

16. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya disiplin di

sekolah-sekolah bertambah baik dan sesuai pula dengan hasrat Kerajaan memandang ke timur.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Berbagai langkah untuk mempertingkatkan disiplin di sekolah telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran telah dan akan mengambil beberapa langkah terbaru untuk maksud tersebut. Di antaranya ialah:

- (i) Memperkemaskan pekeliling-pekeliling sekolah (yang berkaitan) yang ada;
- (ii) Mengeluarkan pekeliling-pekeliling baru;
- (iii) Mengadakan Kursus pendedahan mengenai disiplin sekolah kepada guru-guru besar dan guru-guru;
- (iv) Menubuhkan Jawatankuasa Hal Ehwal Murid di peringkat Daerah dan Sekolah;
- (v) Menerbitkan 3 buku Panduan Mengenai Disiplin Sekolah;
- (vi) Menjalankan program-program disiplin di peringkat sekolah dari masa ke semasa.

KEBUN SAYUR-SAYURAN DIGANTI PROJEK PERUMAHAN

17. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa banyak kebun-kebun pemsaran sayur-sayuran di sekeliling bandar-bandar telah sedikit demi sedikit digantikan oleh skim perumahan yang mana ini tidak dapat dielakkan kerana kemajuan pembangunan; dan
- (b) apa langkah-langkah telah diambil untuk menggantikan sumber-sumber sayur-sayuran tradisi ini yang besar

sumbangannya kepada pengeluaran sayur-sayuran pada keseluruhannya dengan geraknya kemajuan ini.

Tuan Luhah Wan:

- (a) saya sedar keadaan yang berlaku sekarang;
- (b) langkah-langkah yang telah diambil untuk menggantikan sumber-sumber sayur-sayuran ialah menggalakkan petani-petani baru menceburi dalam perusahaan menanam sayur-sayuran secara komersial. Untuk tujuan ini Kementerian Pertanian telah melancarkan satu projek printis pengeluaran dan perusahaan sayur-sayuran secara bersepadu di bawah Skim Pemasaran Bersepadu Sayur-sayuran meliputi 21 zon di Semenanjung Malaysia yang melibatkan kawasan sejumlah 93 hektar dan seramai 519 peserta. Kemajuan projek printis ini sentiasa dikesan dan akan diperluaskan kepada kawasan-kawasan lain sebaik sahaja teknik-teknik pengurusan dipbaiki dan masalah-masalahnya dikenalpasti dan dapat diatasi.

**SUKAN DAN KEBUDAYAAN—
MENINGGIKAN TARAF**

18. Datuk Edwin anak Tangkun minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang untuk mengadakan rancangan baru untuk meninggikan taraf sukan dan memodenkan aktiviti-aktiviti kebudayaan di luar bandar dan sama ada peruntukan bagi aktiviti-aktiviti ini telah dibuat, dan jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Memandangkan soalan dari Yang Berhormat itu, yang

sebegitu rupa, saya akan membahagikan jawapannya dalam 2 bahagian iaitu Sukan dan Kebudayaan.

Jawapan yang Pertama

Rancangan-rancangan untuk meninggikan taraf sukan yang sedang berjalan sekarang ialah seperti berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Projek</i>
1.	Klinik Rakyat
2.	Kem Bakat
3.	Pasukan Remaja
4.	Pembinaan/Pembangunan Kemudahan-kemudahan Sukan
5.	Bantuan Kewangan kepada Badan-badan Sukan
6.	Skim Persijilan Sukan Kebangsaan (Kursus Permulaan Jurulatih di daerah-daerah)
7.	Latihan Kemahiran (Kursus/Klinik pemain daerah/negeri)
8.	Pusat Latihan Sukan (Latihan sepanjang masa di bawah kelolaan Jurulatih yang berkelayakan)
9.	Latihan Kepimpinan (Kursus Kepimpinan dan Pentadbiran Sukan)

Rancangan-rancangan tersebut meliputi sejumlah 162 projek dan menggunakan peruntukan sebanyak \$3,010,769.00 (3 juta 10 ribu tujuh ratus enam puluh sembilan ringgit).

Mulai pada awal tahun ini Majlis Sukan Negara telah diaktifkan semula khususnya bagi menumpukan projek-projek berkaitan dengan meninggikan prestasi ahli-ahli sukan yang akan mengambil bahagian di pertandingan-pertandingan Antarabangsa.

Berkenaan kebudayaan, Kementerian saya sedang menjalankan beberapa aktiviti untuk memperkayakan kebudayaan dan kehidupan penduduk-penduduk di luar bandar. Aktiviti-aktiviti ini juga telah diubahsuai mengikut kehendak-kehendak sezaman.

Antara aktiviti dan jenis projek yang dijalankan oleh Kementerian saya adalah Kem Khidmat Budaya, Kem Muzik Peringkat Kebangsaan, Negeri dan Kanak-Kanak, Kursus Teater, Seni Lakon, Senitari, Seni Hias. Projek ini memakan peruntukan sejumlah \$964,410.00 untuk tahun 1982.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Pertubuhan 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (3hb November, 1982)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas

masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang sebanyak \$11,669,988,913 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1983 bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 tahun 1982 dan hendaklah diuntukkan amaun-amaun yang dinyatakan di bawah maksud-maksud itu bersetentangan dengan butiran-butiran itu dalam ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (3hb November, 1982)

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua petang semalam untuk memberi peluang kepada seberapa ramai Ahli untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Undang-undang Perbekalan tahun 1983, setiap ahli yang hendak bercakap akan dibenarkan berucap selama 15 minit seorang. Dengan itu sekarang saya menjemput Yang Berhormat daripada Bagan Datoh untuk menyambung ucapannya selama 15 minit sahaja.

3.37 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datoh): Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyambung ucapan saya hari semalam iaitu daripada Rancangan Malaysia yang Pertama, pada Rancangan yang Kedua dan seterusnya Rancangan Malaysia yang

Ketiga serta sekarang ini kita sedang menjalankan Rancangan Malaysia yang Keempat. Tidak dapat dinafikan dengan pelaksanaan rancangan tersebut dan nasib rakyat di kampung-kampung sekarang ini telah terbela terutama sekali bagi keperluan asas mereka seperti jalan raya, paip air dan api elektrik.

Tuan Yang Dipertua, untuk mengubah sikap dan menyemaikan perasaan kesedaran di kalangan masyarakat untuk membina sesuatu masyarakat yang maju dan berdikari, mewujudkan inisiatif dan perasaan bertanggungjawab setiap anggota masyarakat dalam pembangunan sosio-ekonomi dan politik mengeratkan kerjasama di antara rakyat dengan Kerajaan, di samping mendapat sokongan rakyat kampung terhadap usaha pembangunan negara dan penglibatan rakyat untuk turut serta secara aktif bagi menjayakan matlamat pembangunan negara yang menjadi punca sistem maklum balas mengenai sosio-ekonomi negara, maka sudah sewajarnya peruntukan wang sebanyak \$916,031,285 yang diperuntukkan kepada Kementerian ini adalah wajar dengan dasar Belanjawan negara yang tidak mengeneipkan kepentingan pembangunan asas kepada rakyat di luar bandar sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan terutama sekali kepada program kemajuan masyarakat di mana peruntukan sebanyak \$78,004,000 diperuntukkan berbanding dengan \$73,472,000 pada tahun 1982. Oleh itu, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah menampakkan ketegasannya mengarahkan Jabatan KEMAS dan Jabatan lain di dalam Kementeriannya seperti MARA, Jabatan Pembangunan Koperasi, Bank Rakyat dan lain-lain agensi di bawah Kementerian beliau supaya benar-benar bersih, cekap dan amanah adalah sangat dialu-alukan.

Tuan Yang Dipertua, MARA adalah satu Majlis Amanah Rakyat yang diwujudkan hasil daripada Kongres Ekonomi Bumiputera yang Pertama. Dari semenjak ditubuhkan hingga ke hari ini MARA telah banyak membela nasib rakyat kampung keseluruhannya, tetapi saya berharap MARA dapat melipatgandakan lagi usaha membangunkan kedai-kedai besar di pekan-pekan kecil di luar-luar bandar. MARA janganlah lagi membina kedai-kedai di bandar-bandar yang besar, kita serahkan sahajalah kepada UDA kerana ianya Badan Pembangunan Bandar membangunkan gedung-gedung perniagaan untuk bumiputera di bandar-bandar dan MARA pula mestilah membangunkan segera kedai-kedai besar di pekan-pekan kecil untuk menggantikan bangunan kedai-kedai papan dan kedai atap nipah yang masih berselerak di seluruh kampung-kampung supaya suatu perubahan besar dapat dilihat dalam kampung-kampung luar bandar bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, memperkatakan tentang bantuan MARA kepada usahawan bumiputera saya suka menarik perhatian pihak MARA dan agensi-agensi seperti bank serta institusi kewangan kepada suatu contoh yang baik dalam membantu bumiputera yang dilaksanakan oleh PERNAS. Dalam usaha membantu pekedai-pekedai runcit bumiputera mengendalikan perniagaan mereka dengan suatu rancangan, iaitu Khidmat Bimbingan, saya dapati semenjak PERNAS-EDAR menjalankan khidmat Bimbingan membekalkan barang-barang pekedai-pekedai runcit bumiputera dan memimpin pula peniaga kedai runcit bumiputera itu, mengawasi perjalanan perniagaan bulan demi bulan dan seterusnya, maka kita dapati kedai bumiputera di bawah rancangan

Khidmat Bimbingan ini sangat maju dan berjaya. Ini patut dijadikan contoh kepada semua agensi Kerajaan yang ditubuhkan bagi membantu bumiputera dalam bidang kewangan seperti MARA, Bank Rakyat dan lain-lain yang memberikan pinjaman wang atau apa juga bantuan dan pertolongan kepada usahawan Bumiputera mestilah diadakan rancangan bimbingan dan pengawasan. Pada masa yang lalu agensi-agensi Kerajaan yang memberikan pinjaman atau pertolongan kepada usahawan bumiputera ini adalah setelah pinjaman ini diluluskan kepada usahawan tersebut mereka dibiarkan begitu sahaja, sama ada berjaya atau tidak, hidup atau mati usahawan mereka. Apabila sampai masanya usahawan bumiputera tadi tidak dapat membayar hutang-hutang yang dipinjam maka usahawan bumiputera tersebut dibawa ke mahkamah, tanah dan hartanya dilelong pada hal bimbingan dan pengawasan untuk bumiputera tersebut bagi memastikan kejayaannya usahawan mereka langsung tidak diadakan. Saya yakin jika demikian caranya maka dasar ekonomi akan menemui kegagalan tetapi sebaliknya saya yakin dan percaya Dasar Ekonomi Baru yang akan tamat tempoh tahun 1990 akan mencapai kejayaan jika sebaliknya dilakukan.

Tuan Yang Dipertua, untuk rancangan pembangunan negara dan luar bandar serta untuk menjamin kejayaan matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, badan-badan bantuan yang ditubuhkan oleh Kerajaan seperti FELDA, RISDA dan yang lain-lainnya yang berbagai-bagai lagi telah ditubuhkan, jika sekiranya tidak mencukupi eloklah ditambah lagi kerana badan-badan berkanun ini telah dapat membuktikan membantu bumiputera dalam menjayakan rancangan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, sekarang saya ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Pelajaran. Untuk mengadakan pendidikan dan pelajaran di peringkat rendah dan menengah kepada penuntut-penuntut bagi membolehkan mereka menjadi warganegara yang berpengetahuan, berdisiplin dan bertanggungjawab kepada bangsa dan negara, saya menyokong penuh pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah-sekolah Rendah seluruh negara. Penekanan serius kepada pengajaran membaca, menulis dan mengira (3M) kerana sebenar-benarnya ia adalah anak kunci kepada semua matapelajaran apabila mereka sampai ke peringkat sekolah menengah dan dengan pelaksanaan KBSR ini tidak lagi terdapat murid-murid apabila mereka sampai ke peringkat menengah kita dapati pada masa yang telah lalu terdapat mereka tidak tahu menulis, membaca dan mengira.

Tuan Yang Dipertua, sebenarnya Dasar Pelajaran Kebangsaan ini tidaklah patut dipersoalkan lagi kerana matlamat Kementerian Pelajaran dan dasar pelajaran yang telah dijalankan dan yang akan dilaksanakan adalah menuju kepada matlamat melahirkan rakyat yang berbilang kaum ini menjadi rakyat Malaysia yang bersatu padu.

Mengenai penubuhan pusat-pusat pengajian tinggi, saya menyokong penuh kepada Kementerian Pelajaran dalam ketegasannya tidak membenarkan pihak swasta untuk menubuhkan universiti di dalam negara ini. Dalam jawapan Timbalan Menteri Pelajaran di Dewan ini mengatakan bahawa universiti-universiti yang ada sekarang pun adalah cukup untuk menampung penuntut-penuntut yang ingin masuk ke universiti dan sekiranya perlu ada lagi sebuah universiti, maka Kerajaan sendiri boleh dan mampu mengadakannya. Kita tidak boleh

membenarkan dengan sewenang-wenangnya penubuhan pusat pengajian tinggi diadakan oleh pihak lain daripada Kementerian Pelajaran kerana dalam rekod sejarah kita terdapat setengah-setengah pusat pengajian menengah dan tinggi cuba dipengaruhi oleh anti-nasional dan subversif negara dengan tujuan untuk menggagalkan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Tuan Yang Dipertua, disiplin penuntut di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah sangat perlu diperkemas dan diperketatkan lagi kerana tanpa disiplin mereka bukan sahaja akan gagal dalam bidang pelajaran tetapi akan menjadi kumpulan yang jahat apabila mereka sudah besar kelak.

Mengenai penuntut-penuntut di luar negeri yang menentang Kerajaan setelah Kerajaan memberikan biasiswa kepada mereka, Kementerian hendaklah bertindak tegas dengan memanggil balik dan membatalkan biasiswa mereka. Kementerian juga hendaklah membuat syarat-syarat baru kepada penuntut-penuntut yang akan dihantar ke seberang laut bagi memastikan mereka itu benar-benar taat kepada negara dan Kerajaan.

Mengenai masalah bangunan-bangunan sekolah, Bahagian Pembangunan di Kementerian Pelajaran mestilah mengawasi betul-betul akan pelaksanaan sesuatu projek. Sebagai contoh, kenapa berlaku kedudukan yang tidak betul pelan tapak pembinaan sekolah berasrama penuh di Batu 8, Teluk Intan. Projek ini adalah projek besar Kementerian Pelajaran yang memakan belanja berjuta-juta ringgit. Pembinaannya juga sepatutnya siap pada tahun 1982 untuk digunakan bagi tahun 1983 tetapi sehingga hari ini bangunan tersebut belum siap lagi dan tak dapat digunakan, Tuan Yang Dipertua.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat ada 2 minit lagi.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Saya baru bercakap sekali ini, Tuan Yang Dipertua, saya tidak mengambil bahagian dalam membahaskan Ucapan Yang di-Pertuan Agong dan ini adalah ucapan sulung, berilah masa sedikit.

Mengenai Kementerian Perumahan, Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh mengenai Kementerian ini mengadakan rumah-rumah kos rendah dengan terlalu terhad bilangannya. Sebagai contoh di kawasan saya seperti di Bagan Datoh hanya dibina sebanyak 48 buah sahaja tetapi permohonan yang ditemuduga sebanyak 1,000 orang, ini menjadikan masalah kepada Wakil-wakil Rakyat dan juga Pegawai Daerah yang menemuduga kerana pemohon-pemohon yang tidak berjaya yang terdiri daripada semua kaum: orang Melayu, orang India dan orang Cina menuduh dengan berbagai tuduhan kepada Wakil Rakyat dan kepada Kerajaan dengan tuduhan yang tidak adil dan sebagainya. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, tanah di kawasan tersebut adalah tanah ladang yang Kerajaan boleh mengambil untuk membina rumah-rumah kos rendah untuk rakyat yang sangat-sangat memerlukannya. Saya berharap di dalam Rancangan Malaysia yang Keempat ini dapat memberi keutamaan kepada pembinaan rumah kos rendah ini di kawasan saya dan juga di seluruh negara. Bentuk-bentuk rumah juga perlu dikaji semula supaya bersesuaian seperti mana yang dibuat oleh MARA. Bentuk rumah ini lebih sesuai dibina dengan kos pembinaan yang rendah sebagaimana yang saya lihat kesemua rumah-rumah jenis kos rendah ini adalah rumah teres yang mempunyai kawasan yang sempit yang

saya rasa hanya bersesuaian dengan keadaan bandar yang menghadapi masalah tanah.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Boleh saya minta 5 minit lagi?

Timbalan Yang Dipertua: Saya ingin ingatkan kepada Yang Berhormat, ini adalah arahan yang ditentukan oleh Yang Dipertua Dewan Rakyat.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Boleh saya minta 5 minit lagi untuk penutup, Tuan Yang Dipertua?

Timbalan Yang Dipertua: 2 minit sahaja.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, sebagai penutup ucapan saya, saya ingin menumpukan ucapan ini kepada parti Pembangkang yang saya anggapkan kecil di dalam Dewan ini iaitu daripada parti DAP. Negara kita adalah mengamalkan demokrasi berparlimen sungguhpun kita boleh mengeluarkan apa juga hujah dan kata-kata di dalam Dewan yang mulia ini tetapi kita ada mempunyai maruah. Kemerdekaan yang kita capai selama 25 tahun merupakan jambatan emas yang telah dibina oleh tiga kaum iaitu kaum orang Melayu, orang Cina dan orang India untuk bersatupadu hidup bersama-sama di dalam negara ini.

Pada beberapa hari yang sudah saya menyokong penuh kepada ucapan rakan saya wakil dari Pasir Putih di dalam Dewan ini. Ucapan beliau adalah perasaan kami orang-orang dalam golongan bumiputera yang terhimpit dan terdesak di kepuk padinya sendiri. Realiti sejarah kita tidak boleh dinafikan sementara pada hari semalam wakil dari Damansara, saya tidak tahu sama ada wakil DAP ataupun dari Barisan Nasional, yang telah membangkitkan berkenaan

dengan ketaatan warganegara ini, begitu juga masalah Dasar Pelajaran Kebangsaan dan sebagainya. Kalau wakil itu dan pihak parti Pembangkang mengerti Bahasa Malaysia dengan betul-betul, tidak akan keliru dengan ucapan wakil-wakil dari Barisan Nasional di dalam Dewan ini juga. Ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Timbalan Perdana Menteri tempoh hari kita dapat memahamkan yang mana kita tidak pernah mempersoalkan tentang taat setia terutama sekali orang-orang MCA di dalam negara ini sebaliknya kita puji taat setia mereka tetapi ingat dan faham betul-betul bahawa ucapan Timbalan Perdana Menteri dan juga wakil-wakil dari Barisan Nasional di Dewan yang mulia ini hanyalah ditujukan kepada segelintir rakyat di dalam negara ini yang manis di mulut seperti kata pepatah: Papat di luar, rencong di dalam, iaitu segelintir rakyat yang menikam Kerajaan daripada belakang. Kalau peribahasa ini ada terasa maka samalah seperti kata pepatah: Siapa makan lada, dialah terasa pedas.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya jemput Yang Berhormat dari Ipoh untuk memberikan ucapannya.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

3.54 ptg.

Tuan Peter Chin Gan Oon (Ipoh): Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan Belanjawan bagi tahun 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan bagi pihak Kerajaan kepada Dewan ini pada 22hb Oktober yang lalu.

Saya mesti mengatakan Belanjawan ini bukan sekalinya tiada sakit (painless) sungguhpun dengan sebelah mata ia merupakan tidak ada. Bagaimanapun, saya pasti rakyat

memahami bahawa kita tidak boleh membelanjakan sewenang-wenangnya dengan apa cara pun kita mahu kerana keturunan harga-harga dan kekurangan permintaan hasil-hasil utama negara kita, sungguhpun mereka mungkin menyukai satu Belanjawan yang kurang kasar. Kita adalah sebuah negara yang kecil dan kita harus hidup tanpa kesan-kesan buruk jangka panjang, menerusi tempoh kemelesetan ini dan sehingga ekonomi sedunia pulih.

Saya percaya pihak Kerajaan dalam menaikkan cukai-cukai jualan kecuali bagi barang-barang yang penting, daripada 5% hingga 10% dan lebih kurangnya, satu kenaikan yang serupa dalam cukai perkhidmatan akan mempunyai satu implikasi yang agak luas atas kedudukan inflasi dalam negara ini. Nyatalah sekali langkah-langkah ini dibuat ialah meningkatkan cukai-cukai yang lebih untuk Kerajaan dalam satu masa tempoh apabila pendapatnya daripada cukai-cukai secara langsung dan duti-duti eksport adalah dijangkakan dikurangkan oleh kesan-kesan kemelesetan dan harga-harga komoditi yang rendah.

Tuan Yang Dipertua, bagaimanapun, hasil kenaikan dalam cukai-cukai jualan dan perkhidmatan akan tentu menjadi satu "prelude" kepada satu inflasi yang baru, jika kejayaan tidak diambil. Pihak Kerajaan telah menyatakan bahawa cukai jualan hanya dikenakan atas 25% barang-barang yang diimport dan dibuat dalam negara. Bagaimanapun, rekod yang lampau juga hendaklah diambil kira. Peniaga-peniaga akan cuba mengambil kesempatan dengan meningkatkan harga yang terakhir dengan apa yang adil kerana dikenakan kenaikan-kenaikan dalam cukai-cukai yang dikatakan tadi.

Di bawah keadaan yang begitu, pihak Kerajaan mesti selalunya berwaspada bahawa Belanjawan ini tidak melepaskan "monster"

inflasi yang susah disekatkan sebaik sahaja ianya dilepaskan sebagaimana ternyata di dalam, dengan izin, Organisation for Economic Corporation and Development Countries. Pada akhirnya ialah rakyat yang akan menderita. Oleh hal yang demikian, saya menyeru pihak Kerajaan selalunya dan terus memberi keutamaan kepada polisi-polisi yang akan mengakibatkan moderation atau kesederhanaan kenaikan-kenaikan harga. Setengah langkah-langkah yang begitu membendungkan inflasi seharusnya memasuki:

- (1) peruntukan subsidi-subsidi kepada barang-barang penting (essential items) khasnya item makanan asas jika sekiranya harga item-item yang tersebut dinaikkan, jikalau ekonomi dunia bertambah baik dalam tahun 1983;
- (2) langkah-langkah "fiscal" seperti pengecualian dan pengurangan duti-duti import dan eksais, dengan selanjutnya apabila ada kenaikan dalam sumber-sumber cukai kita, misalnya daripada kenaikan harga-harga komoditi-komoditi kita;
- (3) pertumbuhan "monetary aggregates", dengan izin, adalah diawasi berhati-hati agar untuk memastikan bahawa pertumbuhan bekalan wang tidak diakibatkan tekanan-tekanan atas harga-harga;
- (4) langkah-langkah penguatkuasa dan pentadbiran mesti dikuatkan dari masa ke semasa untuk melindungi pengguna dengan lebih lanjut lagi;
- (5) rata perkembangan wang dapat sejajar dengan pertumbuhan dalam "output" dan perkhidmatan-perkhidmatan;
- (6) penghapusan kenaikan-kenaikan cukai "multi-level" misalnya duti import yang

dinaikkan, cukai jualan yang dinaikkan dan cukai jalan yang dinaikkan, sesebuah kenderaan yang bermotor yang telah dikenakan.

Potongan dalam perbelanjaan di Belanjawan adalah juga diharapkan. Dalam suatu tempoh kemelesetan ini, kewangan sektor-sektor awam adalah tentunya dipaksa-paksakan dan yang demikian perbelanjaan pihak Kerajaan haruslah dipaksa-paksakan seumpamanya. Jika adalah dijangkakan bahawa sektor swasta dijangkakan memperuntukkan "impetus" yang pertama kepada pertumbuhan ekonomi, maka adalah nyata bahawa pihak Kerajaan harus memainkan peranannya dan memperuntukkan insentif-insentif yang diperlukan kepada sektor swasta.

Di bawah keadaan yang begitu, saya merujuk Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kepada industri-industri "backyard" yang banyak dan sedia ada itu yang berada di negara kita ini, misalnya, industri besi atau foundry industry di Ipoh yang telah mencapai satu tahap teknologi yang sangat tinggi, sungguhpun ia masih bersifat "backyard". Adalah sampai masanya bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian seharusnya menggalakkan pertumbuhan industri-industri "backyard" yang tersebut itu, khususnya jika mereka dapat dipujuk untuk mengeluarkan substitute atau pengganti-pengganti import yang akan memberi negara satu akaun imbalan perdagangan yang lebih baik. Saya percaya bahawa di bawah masa-masa yang susah ini, polisi seharusnya dirangkakan tanpa berkenaan terlalu banyak kepada pertimbangan politik. Kami mesti dapat berhidup menerusi tempoh kemelesetan ini, jikalau tidak, masalah-masalah ekonomi kita akan "snowball" dalam tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, sejajar dengan ini bolehkah Kementerian menubuhkan satu yunit istimewa untuk menolong industri-industri "backyard" ini. Yunit ini mesti jangan tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan kehendak-kehendak Akta Penyelarasan Industri atau Industrial Co-ordination Act.

Dalam Belanjawan 1983, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah menunjukkan bahawa industri pembinaan akan mendorong pertumbuhan. Bagaimanapun, sektor pembinaan yang saya lihat adalah dijangkakan mengalami satu pertumbuhan yang perlahan dalam 1983 yang disebabkan pertamanya kurang permintaan bagi rumah-rumah kediaman dan tangguhan pelaksanaan beberapa projek infrastruktur. Sekali lagi, tegasan dalam pertumbuhan akan bergantung kepada pihak sektor swasta untuk mendorong ekonominya kerana aktiviti-aktiviti pembinaan swasta bukan kediaman adalah dijangka terus kuat. Dalam satu perkara yang demikian, saya harap pihak Kerajaan akan memberi lebih insentif kepada sektor swasta ini, kerana sektor pembinaan akan dijangkakan memimpin semua sektor pertumbuhan ekonomi Malaysia. Untuk mencapai ini, pihak Kerajaan mesti menurunkan kos kredit yang tinggi itu untuk pembinaan pembangunan. Yang demikian, saya sukacita mendapat tahu bahawa Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah menjangkakan kadar-kadar pinjaman diturunkan. Tetapi saya harap beliau dapat lebih spesifik dalam menurunkan kadar-kadar pinjaman ini untuk memberi faedah kepada sektor pembinaan swasta bukan kediaman, yang masih mempunyai permintaan yang kuat dan ini sudah tentu mendorong pertumbuhan dalam ekonomi. Pada ketika ini, masih ada perbezaan yang

besar antara kadar deposit pinjaman yang disebutkan oleh bank-bank dan institusi-institusi kewangan.

Tuan Yang Dipertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah bercadang baru-baru ini menguatkuasakan bahawa separuh daripada rumah-rumah di setiap skim perumahan akan mempunyai rumah-rumah kos rendah. Saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian kepada hakikat bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keempat 90,000 rumah-rumah kos rendah telah dimatlamatkan dibina oleh sektor swasta. Bagaimanapun, sehingga Jun 1982, hanya 8,566 unit telah dibina. Salah satu perkara ialah rumah-rumah ini adalah dijual oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri. Pengaduan sentiasa ialah agensi-agensi ini akan mengambil satu masa yang panjang untuk memproses dan meluluskan permohonan-permohonan yang sesuai. Tiada pemaju yang boleh menahan tempoh-tempoh yang panjang atas rumah-rumah yang tidak dijual dan yang dibina kerana kos kewangan yang tinggi. Oleh yang demikian, saya ingin memperingatkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya berjaga-jaga sebelum melaksanakan penambahan rumah-rumah kos rendah dalam sesuatu skim tanpa kajian yang cukup. Langkah ini sebagai penambahan bilangan rumah-rumah kos rendah mungkin akhirnya merugikan kepada industri-industri pembinaan dan memperlahankan satu sektor pertumbuhan yang mustahak ekonomi kita ini. Dalam lain perkataan, ini mungkin dengan izin "kill the goose that lays the golden eggs".

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Tuan Peter Chin Gan Oon: Akhir sekali tetapi bukan kurang pentingnya semasa sesi Belanjawan ini, saya

sentiasa dengar pihak Pembangkang DAP bercakap besar mengenai "Kepayang Declaration". Saya tidak faham kandungan-kandungan "Kepayang Declaration". Ia mesti jangan lupa bahawa MCA dalam bulan April telah memenangi kawasan-kawasan pilihanraya Ipoh, Menglembu dan Batu Gajah, yang dahulunya dipegang oleh pihak DAP. Dengan alasan yang sama ini juga, maka kami boleh mempunyai "Ipoh Declaration, Menglembu Declaration dan Batu Gajah Declaration" oleh para rakyatnya yang memilih MCA (*Tepuk*).

Kita dapat mengambil satu langkah lebih lanjut kerana Barisan Nasional memenangi kesemua empat kawasan pilihanraya Parlimen dan tujuh daripada lapan kawasan negeri, kecuali Kepayang di Lembah Kinta dalam bulan April. Jadi kita boleh cakap besar juga bahawa ada juga suatu "Kinta Valley Declaration" oleh para rakyat bagi Barisan Nasional. DAP menang di Kepayang dalam April dan juga pilihanraya kecil baru-baru ini, mereka hanya tahan balik dan bagaimana boleh mereka ada satu "Kepayang Declaration". Jangan lupa bahawa pilihanraya kecil Kepayang adalah satu hasil DAP melepaskan kerusinya sendiri.

Dalam kes kami, kami adalah bertanggungjawab kepada rakyat. Kami tahu bahawa sebaik sahaja dipilih, kami mempunyai satu obligasi bekerja untuk rakyat hingga pilihanraya yang akan datang. Kami tidak melepaskan kerusi seseorang dengan sesuka hati sahaja.

Sekali lagi, sebelum saya tamat ucapan saya, saya ingin menyokong Belanjawan 1982.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Bachok.

4.10 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Yang Dipertua, saya terlebih dahulu mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, Timbalan-timbalan dan Setiausaha Parlimen, pegawai-pegawai dan kakitangan Perbendaharaan yang telah dapat mengemukakan belanjawan negara bagi tahun 1983.

Tuan Yang Dipertua, pentadbiran kewangan yang kukuh adalah asas pembangunan sesuatu negara, kestabilan matawangnya dan kebolehan membayar operasinya dalam atau luar negeri. Sesungguhnya pentadbiran kewangan ialah salah satu elemen penentu dalam mengawal dan mengarah ekonomi negara dan pembangunan sosial. Boleh dikatakan kesemua keputusan Kerajaan mempunyai implikasi kewangan dan ini adalah mempengaruhi semua sektor ekonomi, awam dan swasta. Yang paling terkemuka sekali dalam soal ini ialah belanjawan negara. Belanjawan bukan sahaja merupakan kompas yang menentukan arah yang harus diambil oleh Kerajaan di dalam pentadbiran kewangannya tetapi juga roda untuk mengawal arah itu.

Tuan Yang Dipertua, dasar kewangan dan fiskal kita adalah baik dan pragmatik dan kerana itu kemelesetan ekonomi dunia tidak begitu memberi kesan yang hebat ke atas kita walaupun pertumbuhan ekonomi tidak mencapai tahap yang diharapkan. Demikianlah di antara mesej yang disampaikan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita.

Seterusnya beliau beberapa kali menyatakan bahawa untuk mengatasi bebanan inflasi dan kemelesetan ekonomi yang dialami oleh kita sekarang akibat dari kemelesetan ekonomi dunia, belanjawan tahun

1983 bermaksud meneruskan pertumbuhan ekonomi pada kadar yang munasabah dan juga untuk membendung kenaikan harga.

Tuan Yang Dipertua, sebenarnya Kerajaan mempunyai alat dan tenaga pakar yang cukup untuk membuat andaian yang sempurna bagi mengamati kemungkinan datangnya bila kemelesetan ekonomi dunia ini. Sekurang-kurangnya setahun dahulu Kerajaan harus mengetahui bahaya ini dan terus membuat persiapan yang sewajarnya supaya kesannya tidak begitu ketara dan perit rasanya. Apakah pada waktu itu Kerajaan tidak sedar akan kemungkinan ini hingga cadangan-cadangan belanjawan tahun 1982 menampakkan kedudukan ekonomi yang begitu selesa. Hanya sejurus selepas pilihanraya barulah kenyataan demi kenyataan datang menyerang telinga dan mata rakyat dengan tiba-tiba rakyat dipujuk untuk berhemat belanja, projek yang ditetapkan dipinda, dipotong dan seterusnya matlamat pencapaian dipacak semula. Penentuan semula paras dan kawasan Belanjawan Pembangunan dan Pengurusan yang semestinya lebih rendah tentunya melibatkan pemotongan dalam beberapa peruntukan dan penambahan beberapa cukai, duti dan eksais yang menekan rakyat khususnya yang berpendapatan sederhana.

Tuan Yang Dipertua, sebagai seorang yang terkenal mempunyai sifat timbang rasa kepada golongan yang tidak berada dan sederhana, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan secara khusus patutlah membenarkan suatu tinjauan semula dibuat terhadap setengah jenis cukai yang dimasukkan ke dalam senarai yang akan dinaikkan supaya kenaikan itu bukan sahaja tidak tercekik golongan yang tidak berada tetapi menyebabkan merasa lega dan tidak tertekan. Kadar cukai jalan yang

dikenakan ke atas kenderaan bermotor yang memakai enjin diesel termasuk di dalam senarai yang saya pohonkan diberi perhatian khusus dan mendapat simpati dari pihak Kerajaan.

Nampaknya menguatkuasakan kenaikan cukai secara purata atas semua kereta berenjin diesel dalam beberapa keadaan menyebabkan sebahagian anggota masyarakat terpaksa menghadapi tekanan perasaan yang hampir-hampir membawa kepada penyakit jiwa.

Tuan Yang Dipertua, cukai jalan yang bukan sahaja menekan tetapi juga menunjukkan suatu sikap Kerajaan yang kurang cermat hinggalah ianya boleh dipersendakan kerana terlampau tidak munasabah. Sebagai contoh kereta yang mempunyai enjin diesel 2,000 c.c. milik persendirian dikenakan cukai \$1,975 setahun, 2,200 c.c. milik persendirian dikenakan cukai \$2,775, 3,000 c.c. milik persendirian dikenakan cukai \$8,975. Kalau dipakai di atas nama syarikat dinaikkan empat kali ganda.

Tuan Yang Dipertua, sebenarnya terbayang kepada saya seakan-akan Kerajaan hendak menghapuskan atau mengharamkan kereta-kereta jenis ini dari dipergunakan di dalam negara ini.

Tuan Yang Dipertua, pada tahun hadapan Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$1,474 juta kepada kemudahan-kemudahan awam. Dari jumlah itu sebanyak \$741 juta ialah bagi bekalan elektrik. Peruntukan bagi bekalan elektrik ialah untuk membiayai sebahagian kos projek-projek Lembaga Letrik Negara, Lembaga Letrik Sabah dan Perbadanan Perbekalan Letrik Sarawak. Selaras dengan hasrat Kerajaan hendak memberikan kemudahan asas kepada segenap rakyat maka masalah Lembaga Letrik Negara dan perkembangannya dalam

sentiasa mendapat sorotan dan perhatian rakyat. Soal kekurangan tenaga elektrik, kelambatan memasang talian, kerumitan membayar deposit dan pemasangan wayar service adalah merupakan kemlut yang tidak putus-putusnya dihadapi oleh rakyat. Permainan politik parti pemerintah dari kalangan bawahan juga ikut memainkan peranan sebagai salah satu unsur pemecah belah masyarakat kita. Adalah diharapkan bahawa tema bersih, cekap dan amanah akan merata ke seluruh masyarakat termasuk sektor pembahagian kuasa elektrik di samping itu pihak Kerajaan juga perlu memberikan perhatian serius kepada kawasan-kawasan tertentu yang masih jauh ketinggalan dari segi pembahagian kuasa elektrik ini.

Tuan Yang Dipertua, yang menyayat perasaan rakyat yang berkenaan apabila didapati kawasan yang belum dapat menerima nikmat bekalan elektrik itu letaknya berhampiran dan malah di tengah-tengah kawasan kampung-kampung yang telah lama dapat menikmati kemudahan itu. Tambah menjolok lagi apabila kampung-kampung yang berkenaan termasuk di dalam kawasan pihak yang berkuasa Majlis Perbandaran.

Tuan Yang Dipertua, di antara masalah yang perlu diperhatikan sekarang di zaman pihak Kerajaan sendiri telah mengaku berterus terang bahawa pembangunan rohaniah juga termasuk salah satu aspek yang sangat dipentingkan dan diberi perhatian maka saya ikut serta mengambil istilah yang selalu digunakan oleh pihak pemimpin dan penyokong Kerajaan sebagai syiar Islam sebagai salah satu yang menarik minat saya untuk diutarakan dalam Dewan ini. Pada umumnya pengertian yang diberikan kepada perkataan itu lebih bercorak simbolik iaitu perkara-perkara

yang melambangkan keislaman seperti membina dan memperindahkan masjid, tempat-tempat ibadat, menyemarakan pelajaran dan pendidikan agama, mengembelikan tenaga muda-mudi di segenap sektor penghidupan supaya cinta agama, memberi nilai agama di dalam semua urusan hidup dan sebagainya. Namun, suatu hal yang telah ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bahawa Kerajaan sekarang ini berhasrat dan berniat benar-benar untuk menyerapkan nilai-nilai keislaman di dalam pemerintahan dan pentadbiran negara. Hal seperti ini, Tuan Yang Dipertua, adalah satu perkara baru yang sedang direnung dan diperhatikan dengan penuh teliti dan harapan oleh seluruh rakyat.

Tuan Yang Dipertua, kemampuan Islam untuk membawa keharmonian dan rasa hormat menghormati di dalam sebuah masyarakat majmuk seperti negara kita ini adalah satu hal yang telah lama diperbincangkan dan kini telah dipersetujui untuk diterap dan dilaksanakan. Tetapi sayangnya, belum begitu jelas niat suci itu dibuktikan di dalam suatu anggaran belanjawan yang jelas, kita telah dengar bahawa beberapa perubahan tertentu telah dilakukan di beberapa jabatan tertentu namun pelaksanaan yang disertai oleh kegigihan adalah suatu hal yang diharapkan benar.

Persidangan yang bercorak Islam telah diadakan dan juga telah ikut disertai tetapi kesan yang nyata dan dibuktikan di bawah mana-mana peruntukan belum begitu jelas dan nyata. Ada pun pelaksanaan hukum-hukum Islam adalah juga termasuk di dalam sebutan syiar Islam itu malah ia merupakan satu hal yang perlu disegerakan.

Tuan Yang Dipertua, kesejahteraan sosial. Sebagai sebuah negara membangun perhatian kepada masalah kesejahteraan sosial janganlah diabaikan begitu sahaja.

Kebajikan golongan yang kurang bernasib baik sama ada dari kalangan orang-orang tua, kanak-kanak, orang-orang cacat akal dan juga anggota, orang-orang terlantar kerana ditimpa kemalangan tidak seharusnya dibiarkan berlamaan menjadi bahan siaran akhbar-akhbar ataupun baru diberi perhatian setelah beritanya terpampang lebar di halaman akhbar-akhbar. Suatu kajian yang menyeluruh perlu dibuat tentang kepincangan masyarakat itu dan cara penyelesaian yang juga menyeluruh hendaklah segera dicari dan diambil tahu.

Rumah anak-anak yatim, taman kebajikan sebagai pusat penempatan orang-orang tua, taman pemulihan orang-orang cacat dan orang-orang buta perlulah diubahsuai supaya selaras dengan falsafah pembangunan yang dicanangkan oleh pihak Kerajaan. Perhatian di dalam soal akhlak dan tatasusila kepada kanak-kanak, pengajaran agama secara agak intensif sejak dari peringkat melentur rebung perlulah segera dijalankan supaya mereka akan dapat menjadi anggota masyarakat yang berguna, yang dapat memberikan khidmat baktinya terhadap zaman depan negara. Guru-guru agama hendaklah diadakan dengan cara yang agak berkesan di taman-taman kebajikan, tempat-tempat kediaman orang-orang tua supaya mereka dapat diselamatkan dari hidup merana dunia ini dan juga di akhirat kelak. Alangkah besarnya kebajikan dan sumbangan yang diberikan kepada golongan yang malang itu. Suatu skim jaminan sosial juga perlu diadakan bagi golongan yang bukan pegawai-pegawai Kerajaan, umpamanya golongan tani dan nelayan.

Kalau jaminan tertentu diberikan kepada golongan buruh di bawah skim PERKESO dan sebagainya maka adalah suatu hal yang wajar kaum petani dan nelayan yang walaupun bukan merupakan kakitangan yang

rasmi bagi Kerajaan namun mereka adalah pembayar cukai yang setia, sama ada langsung atau tidak langsung yang perlu dibela dan dipelihara hati dan perasaannya, dibela nasib mereka dan dilindungi daripada bahana kemiskinan dan kepaan.

Tuan Yang Dipertua, berbalik saya kepada masalah pencemaran bahasa. Lebih setahun yang lalu sebuah Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia telah ditubuhkan dengan suatu tugas yang sangat penting iaitu mengesan bagaimana berlakunya proses yang difaham sebagai pencemaran bahasa serta sebab dan puncanya. Berkaitan dengan itu setelah bekerja bertungkus-lumus dengan mengadakan 42 kali mesyuarat dan memakan masa 165 jam dalam tempoh dari 3hb Mac, 1980 hingga 25hb Januari, 1981 sebuah laporan lengkap yang mengandungi beberapa cadangan telah pun dikemukakan kepada pihak Kerajaan. Saya tidak dapat membutirkan satu-persatu di dalam Dewan ini kerana masanya terhad, cuma saya akan bercakap dengan secara umum sahaja.

Sebuah perakuan yang mengandungi 19 halaman telah juga dikemukakan bagi diberi perhatian dan dilaksanakan, terutama oleh pihak Kerajaan sebagai pihak yang bertanggungjawab di dalam segala aspek.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, masa dua minit lagi.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Saya sendiri dan juga Majlis yang mulia ini akan berasa berbahagia sekiranya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memberikan penjelasan tentang sejauh manakah langkah dan tindakan-tindakan perlu yang telah diambil bagi melaksanakan formula yang telah dikemukakan oleh

pihak jawatankuasa yang berkenaan. Bersekali dengan keterangan dan sejauh manakah implimentasinya sudah berjalan sama ada "landar" atau menghadapi "kemacitan". Sebarang halangan yang dihadapi dan tidak kurang pentingnya biaya atau perbelanjaan yang telah diperuntukkan kepadanya. Saya kemukakan perkara ini, Tuan Yang Dipertua, dan saya percaya bahawa semua pihak yang diwakili di dalam Dewan yang mulia ini secara tidak berbelah bagi adalah sepakat tentang perlunya kemurniaan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Rasmi negara dijaga, dipelihara, dikawal dan dilindungi supaya peranannya sebagai lingua-franca masyarakat kita yang majmuk ini dan juga masyarakat nusantara akan bertambah meningkat dari segi mutu dan kualitinya dan lambat laun ia akan selaras dengan bahasa-bahasa besar yang digunakan oleh umat manusia.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang.

4.24 ptg.

Tuan V. Govindaraj (Pelabuhan Kelang): Tuan Yang Dipertua, dengan keizinan Tuhan yang maha kuasa dan maha isa, di petang ini saya turut mengambil peluang dalam perbahasan usul Belanjawan negara tahun 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 22-10-1982 yang lalu.

Tuan Yang Dipertua, setelah saya mengkaji dan menganalisis Anggaran Belanjawan 1983, ingin saya merakamkan tahniah dan syabas atas sistem pendekatan Anggaran Belanjawan 1983 yang sungguh konkrit, berkualiti, realistik, efektif dan ia berasaskan kepada tema konsep Kerajaan 2M berjimat-cermat. Sebagaimana seorang doktor perubatan mengkaji seorang pesakit, begitu rapi Menteri Kewangan kita telah mengkaji dan membentangkan Anggaran Belanjawan 1983 bersama

rancangan strateginya sebagai ubat penawar dalam masa dan suasana di mana negara kita dan dunia sedang menghadapi tekanan kemelesetan ekonomi.

Tuan Yang Dipertua, merujuk kepada cadangan Anggaran Belanjawan sebanyak \$28,749 juta secara keseluruhan bagi tahun 1983, serta berasaskan mengikut pecahan cadangan Belanjawan Mengurus ialah sebanyak \$17,079 juta—59.4%, dan cadangan Belanjawan Pembangunan sebanyak \$11,670 juta—40.6%. Berasaskan kepada pecahan cadangan Belanjawan ini ia menggambarkan bahawa Belanjawan ini bermotivasi serta berfungsi ke arah meningkatkan kemajuan ekonomi kita dalam suasana kemelesetan ekonomi dunia.

Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang diketahui negara kita dan masyarakat kita telah melalui suku abad zaman kemerdekaan. Dalam jangka masa 25 tahun tersebut rakyat Malaysia di bawah amalan dan prinsip demokrasi berparlimen pernah meninjau, memerhati dan menghadapi kesan-kesan positif serta negatif hasil dari pembentangan Anggaran Belanjawan selama 25 tahun yang berlalu ini; dari zaman bekas Menteri Kewangan kita Tun Tan Siew Sin hingga ke hari ini di bawah Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah. Dalam jangka masa tersebut pihak Kerajaan Malaysia, melalui sumber-sumber kekayaan bumi dapat berjaya membina sebuah negara Malaysia yang maju dari berbagai aspek yang kita dapat berbangga.

Suatu perkara yang tidak dapat dinilai serta tidak dapat dipastikan setakat manakah rakyat Malaysia dari semua kaum mempunyai amalan dan perasaan mencintakan tanah air Malaysia. Amalan dan perasaan mencintakan bumi ini harus berasaskan kepada kedudukan bagaimana seorang anak mencintakan ibunya dan

saudara sekeluarganya. Sebegitu juga saya berharap setiap insan di bumi Malaysia harus mencintai tanah air Malaysia sebagai ibu mereka dan masyarakat Malaysia sebagai saudara mereka.

Tuan Yang Dipertua, saya menekankan soal ini kerana Kerajaan seharusnya berusaha sedaya-upaya bagi melahirkan rakyat Malaysia sebagai rakyat yang mempunyai perasaan mencintakan Malaysia serta kesanggupan dan kesediaan mereka bagi menghadapi apa juga krisis dari apa jua aspek termasuk peperangan. Masanya sudah tiba bagi Kerajaan 2M untuk mengkaji dan menggubal suatu polisi baharu yang berasaskan kepada konsep melahirkan masyarakat Malaysia dengan semangat perasaan mencintakan bumi Malaysia sebagai matlamat utama kita.

Kegagalan terhadap tujuan tersebut bererti berjuta-juta ringgit yang dibelanjakan selama 25 tahun seperti mana yang dinyatakan pada setiap kali Anggaran Belanjawan ini akan menjadi debu.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong penuh langkah Kerajaan yang mengadakan serta menggalakkan program-program latihan industri perantis kebangsaan dan kursus belajar berniaga dan lain-lain latihan. Walaupun pada ketika ekonomi yang meleset tindakan Kerajaan terhadap bidang ini akan memberi kesan yang positif terhadap ekonomi negara kita dalam jangka masa panjang.

Cadangan peruntukan wang sebanyak \$770 juta bagi sektor perdagangan dan perindustrian bagi penyertaan kaum bumiputera dalam program-program yang diusahakan oleh berbagai agensi-agensi seperti UDA, MARA dan Perbadanan Kemajuan Negeri (PKEN) merupakan suatu tindakan yang seharusnya digalakkan dan pihak Kerajaan seharusnya dan semestinya menggalakkan

agensi-agensi tersebut supaya menjalankan usahasama dengan pihak usahawan-usahawan bukan bumi-putera demi mencapai kejayaan terhadap rancangan-rancangan.

Tuan Yang Dipertua, tindakan Kerajaan mencadangkan peruntukan sebanyak \$627 juta bagi program perumahan, serta mengikut pecahan sebanyak \$454 juta yang akan digunakan bagi pembinaan rumah kos rendah merupakan tindakan Kerajaan yang seharusnya disokong.

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Berasaskan kepada rancangan perumahan tersebut pihak Kerajaan seharusnya menunjukkan sikap yang positif terhadap rancangan skim perumahan pekerja-pekerja estet-estet dan lombong-lombong. Seperti mana yang diketahui oleh pihak Kerajaan skim rancangan perumahan yang dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri kita Allahyarham Tun Abdul Razak dengan Tabung Pusingan wang sebanyak \$10 juta merupakan suatu rancangan yang gagal mencapai matlamatnya.

Tuan Yang Dipertua, memandang kepada betapa pentingnya skim perumahan tersebut kepada para pekerja-pekerja estet dan lombong, saya merayu bagi pihak pekerja supaya pihak Kerajaan meluluskan wang tambahan sebanyak \$200 juta atau lebih bagi tabung skim perumahan tersebut serta pihak Kerajaan diminta mengadakan suatu Rang Undang-undang yang memaksa pihak majikan dan para pengurus ladang-ladang supaya mengimplimentasikan rancangan skim perumahan pekerja estet dan lombong.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya berharap jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan dapat

memainkan peranan yang lebih dinamik dan efektif sebagai langkah menjamin masa depan golongan pekerja.

Tuan Yang Dipertua, cadangan Belanjawan sebanyak \$1,166 juta bagi sektor pelajaran merupakan suatu langkah yang harus disokong dan digalakkan. Dengan adanya peruntukan sebegitu besar, saya merayu kepada pihak Kementerian supaya mengamalkan sikap yang bertanggungjawab dan realistik semasa mempertimbangkan seruan dan permintaan Wakil-wakil Parlimen semasa mereka mengemukakan masalah-masalah dari segi pelajaran dan dari segi kedudukan bangunan-bangunan sekolah.

Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang kita ketahui suatu peruntukan yang amat besar telah diberikan kepada sektor pelajaran. Harapan dan tujuan Kerajaan kita adalah untuk melihat bakal waris-waris dari generasi kita sebagai orang yang berdisiplin, bertanggungjawab, berdedikasi serta dengan keimanan kuat terhadap pendirian mereka.

Tuan Yang Dipertua, masanya sudah tiba bagi pihak Kerajaan mengkaji dan bertindak bagi memperbaiki serta mengemas kedudukan bangunan-bangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di seluruh Malaysia. Perkara ini seharusnya diberi perhatian yang khas kerana kedudukan bangunan-bangunan sekolah seperti SRJK (Tamil) di Segambut, Wilayah Persekutuan SRJK (Tamil) Telok Panglima Garang, Kuala Langat dan SRJK (Tamil) Jalan Watson di kawasan Parlimen saya sendiri berada dalam keadaan yang tidak memuaskan. Oleh yang demikian, saya merayu kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya membina bangunan sekolah baru bagi ketiga-tiga buah sekolah tersebut.

Tuan Yang Dipertua, bagi pengetahuan dan tindakan Yang Berhormat Menteri Pelajaran, ketika ini kelas-kelas pelajaran bahasa ibunda murid-murid (Pupil's Own Language Classes) yang diadakan pada hari Sabtu di sekolah-sekolah kebangsaan tidak memuaskan dan tidak sesuai. Ini disebabkan kebanyakan sekolah menggunakan hari Sabtu bagi mengadakan aktiviti-aktiviti kesukanan serta lain-lain rancangan sekolah. Keadaan ini memberikan kesan yang negatif terhadap enrolment atau kehadiran murid-murid ke kelas POL yang mana semakin hari semakin berkurangan. Memandangkan kepada keadaan ini, saya merayu kepada pihak Menteri Pelajaran supaya mengadakan kelas-kelas bahasa ibunda (POL) pada waktu sekolah. Melalui tindakan ini ia akan memberikan kesan yang positif bagi perkembangan dua bahasa ibunda murid-murid serta sebagai langkah memastikan kejayaan program Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang Dipertua, bagi perhatian dan tindakan Yang Berhormat Menteri Pertanian, seperti yang diketahui penduduk-penduduk Pulau Ketam, di kawasan saya Pelabuhan Kelang, bergantung kepada bidang perikanan kerana ia merupakan cara hidup mereka. Memandangkan kepada hal ini, saya memohon agar pihak Kementerian Pertanian meluluskan lesen-lesen pukut tunda bagi pulau tersebut.

Tuan Yang Dipertua, duti eksais dan minuman keras yang diimport adalah di antara 10% hingga 40% merupakan satu langkah yang seharusnya digalakkan, tetapi tindakan menaikkan duti eksais ke atas beer dan stout sebanyak 60% merupakan tindakan Kerajaan yang akan memberikan kesan dan implikasi yang negatif terhadap masyarakat dan golongan pekerja-pekerja buruh kasar

dan buruh am yang terdiri dari lombong-lombong, ladang-ladang dan kawasan perusahaan.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap pihak Kerajaan tidak ingin melihat sekali lagi kesan samsu haram yang membawa tragedi Lunas, Seremban dan Padang Serai. Kenaikan 60% cukai eksais ke atas beer dan stout bererti ia merupakan suatu tamparan hebat dan pukulan yang hebat kepada masyarakat pekerja utama golongan buruh. Keadaan ini akan menyebabkan pekerja-pekerja buruh mengalihkan pandangan mereka terhadap minuman samsu haram, minuman yang berharga murah dan salah dari sisi undang-undang.

Tuan Yang Dipertua, tindakan Kerajaan mengenakan cukai eksais ke atas beer dan stout bermakna pihak Kerajaan sekali lagi menolak secara tidak langsung masyarakat pekerja ke dalam lumpur samsu haram. Dengan ini saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya memansuhkan cukai eksais beer dan stout demi kepentingan golongan masyarakat pekerja.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong penuh Usul Belanjawan negara tahun 1983.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Setapak.

4.36 ptg.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basari (Setapak): Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya maka saya berpeluang mengambil bahagian dalam membahaskan Belanjawan negara 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah selaku Menteri Kewangan Malaysia pada hari Jumaat, 22hb Oktober, 1982 yang lalu di Dewan yang mulia ini.

Belanjawan Malaysia 1983 mengandungi inti yang tersendiri, ini dapat ditakrifkan bahawa Kerajaan sudah mulai sedar iaitu untuk selama ini perbelanjaan yang besar yang selama ini telah kita lakukan telah memberikan kesan yang tidak begitu menyenangkan apatah lagi selama beberapa tahun kebelakangan ini kita telah banyak mengharapkan akan pertumbuhan ekonomi dunia yang mungkin juga menolong pertumbuhan ekonomi Malaysia sendiri. Akan tetapi sebaliknya dugaan yang cerah tersebut telah dikaburi oleh satu hakikat yang mengejutkan.

Tiada siapa juga dapat menyangka pada tahun 1981 dunia Barat telah mengalami kemerosotan ekonomi akibat dari tragedi politik yang tidak dapat dielakkan dan di dalam tahun yang sama juga Britain terjerumus dalam satu perjuangan dengan Argentina. Pergolakan ini juga dapat kita cerminkan apabila Timur Tengah yang berterusan peperangan di antara Iraq—Iran yang juga secara langsung mengakibatkan kejatuhan harga minyak mentah; kemahuan kembali oleh Negara Barat terhadap bahan-bahan mentah dari dunia yang sedang membangun mulai berkurangan.

Tuan Yang Dipertua, dengan berkurangan kemahuan kembali dan pembelian bahan-bahan mentah dari negara-negara kita telah menjatuhkan harga bahan-bahan mentah tersebut, Malaysia tidak terlepas dari bencana yang terjadi di negeri-negeri yang telah membangun, resesi yang berlaku di negara Barat telah mula mencubit ekonomi kita.

Kalau kita renung sejenak keperluan getah dunia sebanyak 2.99 juta tan pada tahun 1970 meningkat kepada 3.87 juta tan dalam tahun 1979, keperluan getah dunia jatuh kepada 3.72 juta tan dalam tahun 1980 seterusnya keperluan getah dunia semakin menjunam ke paras 3.57 juta tan pada tahun lepas. Pakar-pakar

ekonomi menganggarkan keperluan getah dunia akan semakin jatuh pada tahun ini. Akibat dari itu juga kita telah mengalami kekusutan dari kejatuhan harga getah yang mana dalam tahun 1980 sahaja Malaysia mendapat penghasilan sebanyak \$4.24 billion menurun kepada \$3.17 billion di tahun lepas dan dalam jangka enam bulan tahun ini sahaja penghasilan eksport getah hanya sebanyak \$1.37 billion yang bererti kejatuhan sebanyak 33% jika dibandingkan di dalam jangka masa yang sama untuk eksport tahun lepas.

Tuan Yang Dipertua, harga bijih pula jatuh dari \$38.50 sekilo dalam tahun 1980 menurun ke angka \$27 sekilo dalam tahun 1981 dan sehingga ke minggu lepas harga timah semakin menurun ke angka \$26.16 sekilo. Dari eksport timah sebanyak 66,461 juta tan pada tahun lepas menurun ke angka sebanyak 50,600 tan sahaja dalam tahun ini. Harga kelapa sawit pula semakin menurun sebanyak 35% semenjak dari tahun 1981.

Hakikat dari kemelesetan ekonomi ini maka amatlah menimbulkan kesulitan pada masa ini dan kita rasa sudah sampai waktunya dan juga sangat disanjung tinggi atas usaha Kerajaan bagi menjalankan usaha jimat-cermat. Jika sekiranya dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang berkurangan kita masih lagi mengamalkan sikap lama, sikap berbelanja secara bermewah maka kemungkinan tujuan bagi menstabilkan kedudukan ekonomi negara mungkin tidak akan berhasil. Dalam pada itu juga sepatutnya Kementerian Kewangan membuat dugaan yang tidak berpatutan dari yang sepatutnya. Di dalam masa-masa yang lampau seringkali dugaan pertumbuhan ekonomi negara digambarkan dengan gambaran yang berlainan dari kenyataan, umpamanya, kita menganggarkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 7.2%

dalam tahun 1982 sedangkan dalam ucapan Belanjawan yang dapat dijangkakan hanyalah sebanyak 3.9%, mungkin sebanyak 4.9% dalam tahun 1983. Walaupun begitu, jika sekiranya kita berhasil mencapai pertumbuhan sebagaimana yang dijangkakan ini juga bererti Malaysia mungkin dianggap sebagai sebuah negara yang bersih mempertahankan kedudukan ekonomi di tengah-tengah kedudukan ekonomi dunia yang sedang merosot.

Walaupun pada peringkat ini Malaysia mengalami "trade deficit" sebanyak \$2.4 billion dan memandangkan kedudukan ekonomi sekarang kemungkinan trade deficit akan berterusan, apatah lagi dalam tahun 1983 kita mungkin hanya berupaya mendapat penghasilan sebanyak lebih kurang \$8.5 billion dengan perbelanjaan yang dijangkakan sebanyak \$28.75 billion. Ini bererti untuk menampung kekurangan dari hasil pendapatan negara untuk tujuan perbelanjaan yang agak tinggi, kita semestinya berhutang dengan badan-badan kewangan dunia.

Tuan Yang Dipertua, kemungkinan juga kita tidak mencedok penghasilan yang telah dijangkakan, tidak sesiapa pun dapat menduga apa yang akan berlaku pada hari esok, apatah lagi apa yang akan berlaku pada tahun hadapan, kenaikan cukai barang mewah (luxury item) sangatlah disanjung tinggi dan kita tidak dapat lagi menahan kehendak rakyat tersebut. Umpamanya, kita tahu sekarang minyak wangi dan bahan-bahan yang lain itu telah diturunkan dan ini sangatlah menggalakkan. Itu tujuannya bagi menggalakkan industri pelancongan yang mungkin juga dapat menambahkan penghasilan dalam negeri.

Pembangunan negara tidak seharusnya diabaikan walaupun kita sedang mengalami pertumbuhan

ekonomi yang meleset. Kita juga seharusnya mengambil berat akan kedudukan ekonomi orang-orang yang berpendapatan rendah. Bagi pekebun kecil yang bergantung hidupnya pada penghasilan getah, kenaikan harga barang-barang harian akan menjejaskan kedudukan mereka dan kedudukan mereka akan bertambah teruk andainya harga getah tidak naik. Kerajaan harus juga mencari jalan supaya pengeluaran getah itu dapat dikawal supaya kita boleh mengawal kedudukan harga getah negara. Kita tidak mahu bahan-bahan mentah Malaysia akan bertimbun-timbun di dalam setok simpanan negara asing akibat dari pengeluaran yang berlebihan. Kita tidak mahu ada "rubber glut" di pasaran dunia.

Tujuan Kerajaan menggalakkan pertumbuhan barang-barang tempatan adalah satu perkara yang amat menggalakkan, dengan mengenakan cukai-cukai yang tinggi kepada setengah-setengah barang yang diimport akan menggalakkan perkembangan perusahaan tempatan, penggalakan perusahaan tempatan akan juga mengurangkan kos perbelanjaan bagi membeli barang-barang dari luar negeri. Ini akan menyelamatkan kedudukan simpanan matawang luar kita sendiri. Latihan-latihan kemahiran seharusnya juga dilakukan dengan pesatnya sekarang bagi membolehkan dan menyediakan muda-mudi Malaysia bagi menghadapi cabaran-cabaran pembangunan negara kerana andainya Kerajaan tidak begitu mengambil berat dengan persediaan lain umpamanya latihan kemahiran maka tujuan Kerajaan menggalakkan perusahaan dalam negeri mungkin juga akan terjejas. Kemajuan dan tujuan pembangunan perusahaan tempatan bukan hanya terletak kepada perbelanjaan yang ditetapkan sahaja akan tetapi ia seharusnya seimbang dengan kemahiran pekerja-pekerja dalam negeri itu sendiri.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan juga tidak seharusnya mengenyepikan kedudukan penduduk di dalam bandar-bandar. Di dalam Wilayah Persekutuan terdapat beberapa kekurangan kemudahan asasi yang masih lagi tidak diselesaikan. Bagi penduduk bumiputera masalah besar yang dihadapi oleh mereka ialah kedapatan permohonan yang tidak lagi dipenuhi walaupun ada di antara mereka yang telah memohon bertahun-tahun lamanya. Bagi mereka yang mendiami tanah-tanah Kerajaan pula maka seharusnya kawasan pemindahan yang bersesuaian disediakan dengan segala kelengkapan termasuk bekalan air dan elektrik. Kita tidak mahu orang-orang ini menjadi mangsa pembangunan di waktu pembangunan ekonomi negara sedang meningkat dan tambahan pula kita tidak mahu melihat orang-orang ini akan menjadi mangsa akibat pertumbuhan ekonomi yang meleset seumpama yang dialami sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan juga tidak seharusnya membebaskan bilangan pekerja-pekerja di bawah Kerajaan Pusat hanya di dalam kawasan Wilayah Persekutuan. Mengikut laporan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat lebih dari 24% pekerja Kerajaan Pusat tertumpu ke Wilayah Persekutuan. Masalah kekurangan rumah, masalah kenderaan untuk sampai ke tempat kerja telah begitu meruncing untuk Wilayah Persekutuan menampung penduduk yang semakin ramai. Sehingga ke hari ini tidak ada perubahan yang nyata untuk meningkatkan masalah tersebut akibatnya seringkali kita mendengar rungutan daripada orang ramai.

Polisi memandang ke Timur, terutamanya ke negara Jepun dan Korea Selatan, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah

sesuatu yang tepat sekali dengan masanya. Kemelesetan daya pengeluaran dari negara barat bertelagah di kalangan pekerja-pekerja di barat yang banyak mengutamakan kemewahan diri sendiri dengan menuntut gaji yang tinggi tanpa menghitungkan daya pengeluaran mereka telah mengakibatkan dan menjejaskan daya pengeluaran pekerja-pekerja barat tersebut. Mereka banyak bergantung nasib kepada Persatuan-persatuan Pekerja yang mengawal kedudukan pekerja-pekerja itu sendiri. Tunjuk perasaan, pemogokan berlaku oleh mereka dikatakan setiap hari tanpa mengira hasil pengeluaran hanya gaji yang tinggi yang sering diutamakan. Mereka menuntut jam yang pendek, tambah lagi pihak-pihak perindustrian barat enggan meluahkan kepakaran mereka kepada negara-negara yang sedang membangun.

Tuan Yang Dipertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basari: Negara Jepun.....

Tuan Yang Dipertua: Sekejap sahaja itu tak habis lagi.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basari: Negara Jepun telah bersetuju.....

Tuan Yang Dipertua: Tutupkan ayat itu.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basari: Untuk membantu kita bukan sahaja di segi pertukaran pengetahuan teknik bahkan telah pun bersetuju untuk melatih anak-anak Malaysia bagi mempelajari cara-cara mereka bekerja. Sekian dan saya menyokong Belanjawan bagi tahun 1983.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Kinta.

4.52 ptg.

Tuan Lim Liang Seng (Kinta): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk berucap menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 22-10-1982 yang lalu.

Tuan Yang Dipertua, sukacita saya mengambil kesempatan ini cuba mengemukakan sedikit sebanyak pemerhatian dan pandangan saya terhadap beberapa aspek mengenai Belanjawan dan tentang beberapa dasar Kerajaan. Cukai-cukai baru adalah merupakan sifat-sifat utama Belanjawan itu dan melalui langkah-langkah cukai baru ini Kerajaan berharap akan dapat memungut tambahan hasil cukai sebanyak \$1,237 juta. Lebih kurang 2/3 dari jumlah ini adalah melalui pungutan cukai jualan dan cukai perkhidmatan, masing-masing mengembang \$788 juta dan \$70 juta, dengan kenaikan kadar dari 5% kepada 10%. Sungguhpun dalam cadangan Kerajaan barang-barang perlu adalah dikecualikan dari cukai jualan dan cuma 25% dari barang-barangan itu dikenakan cukai jualan, namun kesan-kesan akibat kenaikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan itu nescaya besar dan menyeluruh.

Salah satu akibat kenaikan cukai-cukai itu ialah meningkatnya inflasi oleh kerana harga-harga barang terlibat adalah dijangka akan meningkat kira-kira 5%. Tidak syak lagi bahawa pertambahan sebanyak \$858 juta bukan satu beban kecil kepada pengguna-pengguna kita dan ianya jelas akan membawa kesan-kesan meleset kepada sektor swasta.

Setakat ini Kerajaan telah berjaya mengawal keadaan inflasi di negara kita dan mengurangkannya kepada kadar 6.5% sekarang, dengan adanya

kenaikan cukai-cukai itu kemungkinan besar kadar inflasi kita akan meningkat dalam masa yang singkat dan menjangkau dua angka semula seandainya Kerajaan tidak berhati-hati mengadakan langkah-langkah kawalan yang perlu dan mencukupi Kerajaan seharusnya mengambil ingatan bahawa ramai pakar ekonomi berpendapat yang inflasi merupakan punca utama yang boleh melumpuhkan ekonomi dunia. Masalah besar yang dihadapi oleh negara-negara perindustrian di barat adalah kerana mereka telah cuai dan tidak bertegas dalam mengendalikan inflasi dan sekarang mereka terpaksa mengadakan pembedahan rumit untuk mengikiskan inflasi.

Tuan Yang Dipertua, sementara saya menyokong cadangan-cadangan Kerajaan untuk menaikkan cukai-cukai terhadap barang-barang seperti tembakau, beer dan minuman keras, saya berpendapat bahawa kenaikan cukai jalan khususnya bagi kereta-kereta diesel milikan syarikat adalah terlalu tidak realistik. Sebagai misalan sebuah kereta diesel milikan syarikat dengan 3,000 c.c. sebelum ini cuma membayar cukai \$5,025 akan tetapi sekarang ianya kena bayar cukai \$35,000, dengan ini pertambahan cukai adalah melebihi \$30,000 pada hal jumlah ini hampir sama separuh harga sebuah kereta baru sebelum 22-10-1982. Dalam keadaan yang seumpama ini kebanyakan syarikat jika tidak semua terpaksa menukar hakmilik kereta-kereta mereka kepada nama peribadi sebagai satu jalan keluar. Apabila hal ini berlaku sudah tentu pungutan hasil cukai jalan Kerajaan bagi tahun 1983 tidak akan mencapai sasaran anggaran sejumlah \$189 juta itu.

Saya difahamkan langkah cukai baru ini juga telah menyebabkan kesulitan-kesulitan besar kepada pengusaha-pengusaha sekolah memandu dan kereta-kereta terpakai. Saya dengan ikhlas berharap Kerajaan akan

memandang berat tentang perkara ini dan akan mengadakan langkah-langkah dengan serta-merta untuk pengubahsuaian yang perlu.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh tentang soal perbelanjaan Kerajaan pula, dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah mengatakan bahawa Kerajaan akan meneruskan kawalan yang ketat dan disiplin kewangan dengan mengambil langkah-langkah yang perlu dan sesuai untuk menentukan bahawa perbelanjaan Kerajaan dikawal dan dikekalkan pada satu paras yang rendah. Dengan perbuatan demikian Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengkaji semula keperluan-keperluan tenaga dan telah memutuskan untuk membekukan segala kekosongan yang telah timbul dalam perkhidmatan awam terutama sekali mereka di dalam kategori "D" kecuali bagi jawatan-jawatan yang perlu. Dengan berbuat demikian adalah sangat mustahak bahawa segala usaha-usaha perlu diambil untuk menentukan bahawa mutu kecekapan dan daya pengeluaran Jabatan-jabatan Kerajaan dan perkhidmatan dikekalkan. Dalam hubungan ini saya perhatikan bahawa Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pelajaran telah dikurangkan sebanyak \$195.5 juta kepada tahap \$3,060.1 juta, pengurangan ini merupakan 17.9% Anggaran 1983. Ini adalah satu perkembangan yang dikhuatiri, namun demikian saya penuh yakin bahawa pihak Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menentukan bahawa pengurangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus ini tidak akan menjejaskan kecekapan dan daya pengeluaran perkhidmatan Kerajaan.

Saya difahamkan bahawa semua Pejabat Pelajaran Negeri-negeri telah disusun semula dengan menubuhkan

Pejabat Pelajaran di peringkat daerah. Tujuannya adalah untuk mengawasi kurikulum dan menyelaraskan kegiatan-kegiatan Ko-kurikulum sekolah supaya meninggikan lagi taraf pelajaran murid-murid sekolah di dalam kawasan-kawasan bandar dan luar bandar melalui penyeliaan yang lebih rapi.

Mengikut pengetahuan saya masih terdapat lagi beberapa negeri yang belum menyelesaikan urusan penyusunan semula. Sebagaimana kita sedia maklum KBSR akan dilaksanakan dalam semua sekolah rendah pada tahun hadapan. Cara pelaksanaan KBSR ini memerlukan kawalan yang rapi pada setiap masa dan penilaian pada peringkat-peringkat permulaan. Untuk menentukan bahawa matlamat-matlamat dan tujuan-tujuan tercapai maka perlulah jawatan-jawatan di peringkat daerah ini diisikan dengan guru-guru yang berkelayakan dan sesuai ataupun oleh pegawai-pegawai di dalam Perkhidmatan Pelajaran. Saya ingin menegaskan di sini bahawa dalam urusan untuk mengisikan kekosongan ini pertimbangan perlu diberi kepada mereka yang betul-betul layak dan sesuai, tidak mengira kaum dan keturunan.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya beralih kepada tajuk yang lain, saya ingin menyentuh serba sedikit berkaitan dengan kempen jimat-cermat. Sebagaimana kita sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan satu kempen jimat-cermat terhadap perbelanjaan Kerajaan beberapa bulan yang lalu. Saya perhatikan bahawa semenjak gerakan ini dilaksanakan, kecekapan atau daya pengeluaran pejabat-pejabat Kerajaan tidak terjejas bahkan ini telah pun saya menegaskan pada permulaan ucapan saya. Alasannya adalah bahawa kempen jimat-cermat telah secara langsung atau tidak langsung membawa

kesedaran kepada kami bahawa kita boleh juga mencapai hasil-hasil yang positif melalui cara jimat-cermat. Pada hemat saya kita patut memupuk semangat tabiat perbelanjaan yang sihat di dalam semua rakyat Malaysia, bukan sahaja dalam zaman resesi ini bahkan juga sentiasa masa supaya negara Malaysia dapat dibangunkan dengan cara disiplin yang unik. Saya berharap bersampingan dengan rancangan untuk memupuk etika kerja yang baik di kalangan pekerja, Kerajaan akan juga melaksanakan satu kempen untuk memupuk tabiat perbelanjaan yang sihat di antara rakyat Malaysia pada keseluruhannya.

Tuan Yang Dipertua, usaha Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan sektor awam adalah satu langkah yang positif untuk membaiki ekonomi Malaysia. Langkah-langkah yang diambil adalah sangat-sangat kena pada tempatnya dan saya difahamkan bahawa Kementerian-kementerian telah pun diarahkan untuk mengurangkan perbelanjaan sebanyak 12%. Ini adalah satu kadar yang tinggi dan hanya boleh dicapai dengan pengorbanan besar. Saya pula berpendapat bahawa Kerajaan boleh juga mengambil beberapa langkah yang lain untuk menyusun semula sistem-sistem pentadbiran Kerajaan untuk mengemaskinikan perbelanjaan dan mewujudkan satu pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang Dipertua, pada masa ini saya perhatikan bahawa pihak Kerajaan menggunakan beberapa pegawai untuk menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan dari rumah ke rumah terhadap bil-bil elektrik, air, lesen radio, pembayaran KWSP dan sebagainya. Saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini bahawa sebagai satu langkah untuk mengemaskinikan sistem pemeriksaan ini pihak Kerajaan mewujudkan satu badan untuk menjalankan pemeriksaan terhadap semua aspek-aspek melalui satu perkhidmatan

sahaja. Maksud saya dalam ringkas kata, adalah pegawai yang menjalankan pemeriksaan atas bil elektrik boleh juga menjalankan pemeriksaan terhadap bil air, lesen radio, caruman kepada KWSP dan sebagainya. Dengan berbuat demikian Kerajaan akan dapat menjimatkan perbelanjaan dengan menggunakan beberapa pegawai untuk menjalankan tugas pemeriksaan sahaja. Saya akui gerakan ini mungkin menyebabkan kelebihan pekerja-pekerja akan tetapi perkara ini tidak mungkin berlaku kerana pekerja-pekerja yang berlebihan ini boleh digunakan semula untuk memperkuat sektor-sektor hasil sebagai Bahagian Pencegah Kastam, Bahagian Pemungut-pemungut Kastam dan lain-lain Jabatan supaya meningkatkan lagi kecekapan pejabat-pejabat yang berkenaan. Kerajaan tidak perlu mengambil pegawai-pegawai yang baru untuk mengisikan atau memperkuat pejabat-pejabat itu untuk mencapai taraf kecekapan yang tinggi.

Tuan Yang Dipertua, berlanjutan dengan tajuk kempen jimat-cermat, ingin juga saya menyentuh tentang cara dan sistem pungutan hasil-hasil Kerajaan. Saya akan mengambil Kuala Lumpur sebagai contoh bagi maksud perkara ini. Pada masa ini tempat bayaran-bayaran bagi bil-bil elektrik, air, lesen radio dan sebagainya terletak di merata-rata tempat di Kuala Lumpur. Dengan corak yang seumpama ini si pembayar perlu tergesa-gesa pergi dari satu tempat ke satu tempat yang lain untuk membuat pembayaran, ini telah menyebabkan kesusahan kepada orang ramai yang perlu mengambil cuti untuk menjalankan kerja tersebut.

Saya sedar bahawa mereka boleh menggunakan perkhidmatan pos untuk menjalankan tugas ini akan tetapi sebahagian rakyat di negara kita rasa tidak senang membuat

pembayaran secara ini. Selain daripada membazir tenaga manusia dengan mengambil cuti khas untuk pembayaran bil, si pembayar pula perlu menanggung beban perbelanjaan yang besar dalam perjalanan seperti tambang bas dan teksi ataupun mengisikan petrol apabila menggunakan kenderaan-kenderaan mereka sendiri. Cara ini telah secara langsung atau tidak menyebabkan pembaziran petrol yang perlu diimport.

Misalnya, jika setiap pembayar perlu menggunakan \$3.00 petrol set. ap bulan untuk menjalankan tugas ini dan jika diambil kira dari segi ramainya penduduk di Kuala Lumpur, Kerajaan akan kehilangan wang pertukaran asing dalam lingkungan \$1 juta sebulan. Ini adalah mengikut anggaran di Kuala Lumpur sahaja dan jika kita mengambil kira negara Malaysia pada keseluruhannya, kehilangan wang pertukaran asing akan lebih banyak lagi. Memandangkan kepada ini, saya suka memberi pandangan saya apa kiranya jika Kerajaan memusatkan tempat-tempat kutipan pembayaran bil-bil letrik, air, radio dan television dan sebagainya, bukan sahaja sebagai kemudahan kepada orang ramai bahkan juga sebagai satu langkah untuk menjimatkan wang pertukaran asing.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menyentuh satu perkara lagi.

Tuan Yang Dipertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup. Sila gulungkan ucapan itu.

Tuan Lim Liang Seng: Tuan Yang Dipertua, sekian sahaja pandangan saya terhadap ucapan Belanjawan tahun 1983 seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan sekali lagi ingin saya mohon untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1983 itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Julau.

5.08 ptg.

Tuan Thomas Salang Siden (Julau): Tuan Yang Dipertua, saya berucap untuk menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan kita pada hari Jumaat, 22hb Oktober, 1982.

Belanjawan tahun 1983 tidaklah begitu memeranjatkan memandangkan negara kita dan juga lain-lain negara di dunia sedang menghadapi kemelesetan ekonomi. Kebanyakan rakyat merasakan Belanjawan tahun 1983 akan lebih buruk dari ini tetapi oleh kerana kita mempunyai Menteri Kewangan yang begitu bertimbang rasa, rakyat tidaklah gentar dan takut tidak diberi perhatian ataupun dibebankan dengan pembentangan Belanjawan tahun 1983 ini.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Barisan Nasional tidak mempunyai alternative yang lain bagi membolehkan Belanjawan bagi tahun 1983 lebih senang lagi tetapi terpaksa mengambil sedikit dari pihak yang kaya-raya dan memberikannya kepada rakyat yang miskin agar membolehkan rakyat yang miskin itu hidup dan kehidupan mereka tidaklah terhimpit.

Dalam pilihanraya yang lepas rakyat di luar bandar telah menunjukkan kekuatan mereka dengan menyokong calon-calon Barisan Nasional membentuk Kerajaan dan berharap Kerajaan Barisan Nasional akan melakukan sedaya-upaya untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar. Sebagai Ahli dari kawasan luar bandar, saya ingin mengesyorkan sekurang-kurangnya 60% dari Belanja Mengurus dan Pembangunan dibelanjakan untuk pembangunan infrastruktur luar

bandar. Semua peruntukan-peruntukan bagi kawasan luar bandar janganlah dipotong memandangkan ini adalah perkhidmatan yang dapat diberikan oleh Kerajaan kepada penduduk luar bandar.

Tuan Yang Dipertua, sekiranya kakitangan Jabatan Pertanian tidak boleh melakukan perjalanan ke kawasan di hulu serta juga kakitangan Jabatan Pelajaran dan unit-unit kesihatan itu berhenti, perkhidmatan kepada penduduk luar bandar tidak dapat diberikan. Kita tahu mereka ini adalah penduduk yang taat setia kepada negara dan oleh itu kita janganlah lupa untuk membasmi kemiskinan di antara mereka. Bagi melakukan ini Kerajaan Barisan Nasional hendaklah memperuntukkan jumlah wang yang mencukupi bagi infrastruktur-infrastruktur di luar bandar seperti membina jalan raya di kampung-kampung dan rumah-rumah panjang serta juga pelaksanaan rancangan-rancangan tanah pertanian dan ternakan secara moden hendaklah digalakkan melalui bantuan-bantuan dari Jabatan Pertanian untuk meninggikan lagi pengeluaran.

Tuan Yang Dipertua, Sarawak telah mencapai kemerdekaan melalui Malaysia hampir 19 tahun sehingga sekarang dan Kerajaan Persekutuan mestilah sedar Kerajaan Negeri Sarawak tidak pernah memperuntukkan wang yang cukup untuk membina jalan-jalan yang baru di negeri itu dan sekarang tibalah masanya kita meminta syer yang lebih lagi pembinaan-pembinaan jalan oleh kerana banyak cadangan-cadangan untuk membina jalan-jalan tidak siap sehingga beberapa tahun.

Saya telah beberapa kali berucap di Dewan yang mulia ini di dalam setiap ucapan Belanjawan dari tahun 1974 memohon lebih banyak wang untuk pembinaan jalan-jalan daripada Kementerian Kerjaraya tetapi sedikit

sangat tindakan yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan. Jadi terdapat sedikit kemajuan di dalam rancangan pembinaan jalan raya di Sarawak.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh satu perkara mengenai Dasar Pelajaran Kebangsaan. Kami dari Sarawak terutamanya bumiputera Melayu dan bukan Melayu menyambut baik sistem pelajaran 3M yang dilaksanakan di semua sekolah-sekolah luar bandar di negeri tersebut. Sistem pelajaran 3M ini mungkin juga sistem yang paling baik pada masa ini. Ianya adalah kaedah yang paling senang bagi kanak-kanak belajar menulis, membaca serta memahami sesuatu dengan cepat. Tetapi terdapat segolongan orang-orang yang menentang sistem pelajaran 3M ini mereka membuat bising dengan tidak menentu di luar mahupun di dalam Parlimen ini. Golongan ini selalunya menakutkan-nakutkan bumiputera dengan menuduh sistem pelajaran 3M ini tidak berguna kepada anak-anak mereka dan tanpa tujuan.

Tuan Yang Dipertua, parti Pembangkang DAP bukan sahaja menentang Dasar Pelajaran kita tetapi mereka juga menentang semua dasar-dasar Kerajaan. Saya masih ingat semasa Dewan ini membentangkan Bil untuk menambahkan elaun-elaun Ahli-ahli Parlimen pada bulan Julai, 1981 Bil tersebut telah ditentang dengan kuatnya oleh DAP tetapi apabila elaun-elaun Ahli-ahli Parlimen dinaikkan, Ahli-ahli Pembangkang dari DAP juga turut mengecap nikmatnya dan saya tidak pernah dengar sesiapa juga dari mereka mengembalikan kenaikan elaun tersebut kepada Kerajaan Barisan sebagai tanda untuk membuktikan mereka betul-betul menentang Bil tersebut. Kita ingin orang ramai mengetahui Pembangkang, terutamanya DAP tidak pernah mengeluarkan buah fikiran mereka sendiri, tetapi

hanya menentang apa sahaja yang kita lakukan untuk kepentingan dan mempopularkan diri mereka sendiri.

Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Parlimen dari Bandar Kuching dan dari Sibu di dalam ucapan-ucapan mereka menyatakan terdapat kemiskinan di antara bumiputera bukan Melayu di Sarawak yang mana kita tidak nafikan tetapi mereka tidak sedar terhadap 14 bumiputera bukan Melayu dari parti PBB, SUPP, SNAP dan 2 Bebas yang dilantik untuk mewakili mereka. Saya fikir semua teman-teman saya Ahli Parlimen dari Barisan Nasional tentu bersetuju bahawa objektif-objektif kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari DAP iaitu Sibu dan Bandar Kuching tidak mempunyai apa-apa selain dari untuk mempengaruhi orang-orang Dayak mendengar kata-kata manis mereka dan seterusnya untuk menyokong mereka di dalam pilihanraya negeri Sarawak yang akan datang.

Kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari DAP itu sedang mencuba sedaya upayanya untuk memecah-belahkan bumiputera bukan Melayu dengan saudara mereka bumiputera Melayu. Kaum-kaum Dayak di Sarawak tidak menerima ketua-ketua dari DAP tetapi mereka mempunyai ketua-ketua sendiri yang berkebolehan dan berpengalaman untuk memimpin dan dari sekarang kami mengisytiharkan supaya DAP jaga tepi kain mereka. Kami tidak mahu DAP bercakap bagi pihak orang-orang Dayak.

Mereka tidak tahu apa pun mengenai Dayak kerana mereka hanya tahu untuk memecah-belahkan dan menambahkan lagi kemiskinan yang ada sekarang (*Tepuk*).

Tuan Yang Dipertua, bagi mengulung ucapan saya, saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk memperhatikan pembangunan infrastruktur seperti pembinaan, jalan

raya dan sebagainya serta juga meninggikan taraf ekonomi rakyat di luar bandar. Sekiranya ini tidak dilakukan saya takut Kerajaan kita akan menghadapi tentangan yang kuat di tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Matang.

5.19 ptg.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Bismillah-irrahmanir-rahim. Tuan Yang Dipertua, di sini di dalam Dewan yang mulia ini saya bangun bagi menyokong dan membahaskan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada hari Isnin, tanggal 22hb Oktober, 1982 yang baru lalu.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan keadaan ekonomi dunia yang terus meleset ini dan dengan keadaan kemelesetan negara-negara perindustrian dan juga kemelesetan ekonomi negara kita sendiri maka di sini saya rasa di atas sikap berani, jujur dan berpotensi yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Malaysia dan pegawai-pegawainya bagi membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 pada 22hb Oktober, 1982 yang lalu itu amat mengkagumkan kita semua, khususnya kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Saya telah pun meninjau pendapat umum, terutamanya rakyat yang berpendapatan rendah, sama ada di kampung-kampung atau di desa atau juga di bandar-bandar, mereka semuanya bersetuju dan menyokong di atas Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia itu walaupun ada setengah-setengah peruntukan itu akan mengkait atau melibatkan orang-orang yang berpendapatan sederhana.

Tuan Yang Dipertua, ini adalah dengan berkat kerana adanya dasar-dasar sosio-ekonomi yang dijalankan secara berhati-hati, keazaman pemimpin politik yang berani, gigih dan berpotensi yang telah ditunjukkan oleh pemimpin 2M yang mana slogan bersih, cekap dan amanah dapat dipertingkatkan demi untuk keutuhan serta kestabilan politik ekonomi di negara ini. Di segi kacamata dunia dan juga rakyat di negara ini, ini memanglah wajar. Cuma kepada golongan-golongan yang tertentu atau yang "frust" sahaja yang tidak mahu menerima hakikat atau kenyataan yang sebenarnya. Contohnya seperti wakil-wakil Pembangkang DAP.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya ingin menerangkan balik kepada Ketua Pembangkang yang juga wakil dari Kota Melaka serta kepada wakil dari Bandar Kuching yang mana saya telah mengatakan bahawa wakil-wakil dari Bandar Kuching dan Sibul bercakap dalam bahasa Inggeris dan tidak mahu menggunakan Bahasa Malaysia walaupun Dewan memperuntukkan kepada wakil-wakil daripada Sarawak dan Sabah boleh menggunakan bahasa Inggeris. Sebenarnya saya faham Standing Order itu. Tetapi apa yang membimbang dan meragukan saya bahawa wakil-wakil dari Kuching dan Sibul ini boleh berbahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Malaysia. Sebagai contohnya, semasa soal jawab di antara wakil dari Bandar Kuching dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Isnin bersamaan 25hb Oktober yang baru lalu wakil dari Bandar Kuching ini telah bercakap dalam Bahasa Malaysia yang baik tetapi mengapa di masa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada dalam Dewan yang mulia ini beliau sering bercakap dalam bahasa Inggeris sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, on point of Order.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, saya tidak benarkan.

Tuan Yang Dipertua: Ini point of order, Yang Berhormat kena duduk dahulu, point of order kena duduk dahulu.

Dr Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 36 (10) (c) yang berkenaan dengan Perlembagaan, "perkataan-perkataan yang melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan." Kerana berbahas dalam bahasa Inggeris dibenarkan kepada pihak-pihak daripada Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang Dipertua: Yang mana itu, Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: 36 (10) (c) "Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan 1948".

Tuan Yang Dipertua: Perkara ini bukanlah di dalam Perlembagaan. Perkara ini ialah dalam Akta Bahasa Kebangsaan, bukan bersangkutan dengan Perlembagaan. Sila teruskan! (*Tepuk*).

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Inilah yang menjadi satu tandatanya kepada saya dan juga rakan-rakan saya dari parti-parti komponen Barisan Nasional yang mana Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara ini dan telah pun termaktub di dalam Perlembagaan.

Tuan Yang Dipertua, wakil-wakil pembangkang DAP harus sedar bahawa hakikat Kerajaan Barisan Nasional adalah untuk menjamin rakyat serta masyarakat majmuk di negara ini dapat hidup aman, makmur dan bahagia sehingga ke anak cucu cicit kita bahkan sehingga ke hari kiamat sekalipun. Wakil-wakil pembangkang DAP patut sedar dan bersyukur dan berterima kasih kepada

Tuhan Yang Maha Esa kerana kestabilan politik, ekonomi dan keamanan negara ini sungguh menggalakkan dan kita tidak dapat menafikan bahawa negara dan rakyat Malaysia sungguh makmur, bahagia dan aman jika dibandingkan dengan setengah-setengah negara di dalam Asia ini. Juga mereka harus sedar yang mana negara seperti Indonesia, Thailand dan Filipina di mana bahasa kebangsaan mereka digunakan sepenuh masa sama ada di sekolah, di pejabat, di mahkamah-mahkamah, di gedung-gedung, di dalam pergaulan seharian dan juga di dalam ucapan serta perbahasan dalam Dewan-dewan Rakyat di negara-negara tersebut. Inilah hakikat dan hasrat Kerajaan Barisan Nasional yang mahu identiti Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan yang berdaulat lagi mulia di negara ini. Ini bukanlah bererti bahawa bahasa-bahasa lain seperti Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil dihapuskan. Tetapi mereka ini bukan tidak faham hakikat ini, cuma mereka tidak mahu menerima konsep yang telah dibuat dan akan dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional itu. Mungkin mereka daripada DAP memikirkan bahawa konsep Malaysian Malaysia yang dilaung-laungkan oleh mereka itu lebih baik dan lebih praktik daripada apa yang dijalankan oleh Kerajaan pimpinan 2M pada hari ini. Tetapi mereka harus sedar bahawa konsep Malaysian Malaysia itu tidak akan diterima oleh rakyat di negara ini khususnya rakyat pribumi, bumiputera, sama ada bumiputera di Semenanjung atau bumiputera di Sabah dan di Sarawak. Seandainya mereka dari pembangkang DAP mahu konsep Malaysian Malaysia dijalankan di negara ini mereka harus melangkah mayat-mayat kami-kami yang menentang dasar konsep Malaysian Malaysia itu (*Tepuk*).

Tuan Yang Dipertua, mengenai keputusan pilihanraya kecil di

Kepayang yang mana—saya orang Perak sendiri—calon DAP telah mendapat kejayaan yang cemerlang baru-baru ini, DAP telah rasa megah dan rasa besar hati di atas kejayaan itu sehingga mereka bawakan perkara kemenangan ini hingga ke Parlimen ini. Tetapi mereka ini tidak faham yang sebenarnya di mana saya seorang anak Perak dan dilahirkan di Perak tetapi mereka itu tidak dari Perak dan sebenarnya kami lebih tahu serta mendalam dalam masalah-masalah di kawasan Kepayang itu terutamanya daripada pengundi-pengundi orang China di sana. Sebelum pilihanraya kecil dijalankan di Kepayang saya dengan beberapa orang kawan-kawan daripada parti-parti komponen Barisan Nasional telah membuat peninjauan di kedai-kedai kopi, dan juga di restoran-restoran dan juga di kedai-kedai di kawasan Kepayang yang mana pengundi-pengundi di situ telah menyatakan bahawa sebenarnya mereka suka kepada Barisan Nasional, akan tetapi oleh kerana selain daripada kawasan Kepayang semua Wakil-wakil Rakyat yang menang dalam pilihanraya pada 22hb April, 1982 yang lalu iaitu di kawasan Lembah Kinta, kesemuanya terdiri daripada parti Barisan Nasional. Oleh itu mereka telah mengambil keputusan supaya mereka memberi sokongan pula kepada calon DAP agar sekurang-kurangnya ada seorang wakil pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri Perak dan juga undi yang DAP perolehi itu ialah undi kesian, juga agar parti DAP tidak mati berkubur di negeri Perak. Itu sahaja. Itulah hakikat yang sebenarnya pendapat pengundi-pengundi di kawasan Kepayang itu. Tetapi DAP janganlah rasa sombong dan takbur di atas menang calon mereka di Kepayang itu.

Tuan Yang Dipertua, pihak Pembangkang DAP selalunya membangkitkan masalah-masalah pendatang dari Indonesia. Tahukah wahai

saudara-saudara saya dari DAP bahawa ramai daripada pendatang-pendatang Indonesia ini dibawa oleh orang-orang yang tertentu ke negara ini untuk bekerja di ladang-ladang mereka? Dan apa yang dibangkitkan oleh wakil-wakil DAP yang mana pendatang-pendatang Indonesia ini melakukan rompak-rompak di sini. Tetapi apa yang saya dapat laporan daripada pihak polis ialah kejadian-kejadian rompak-rompak yang besar-besar yang berlaku di negara ini dilakukan oleh anak-anak tempatan di sini. Contohnya, Botak Chin, orang mana?

Tuan Yang Dipertua, berbalik kepada peruntukan Belanjawan Perbekalan bagi tahun 1983, di sini ingin saya mengingatkan kepada Kerajaan supaya mengambil perhatian dan penelitian yang saksama semoga peruntukan Belanjawan ini tidak menjejaskan ekonomi negara dan tidak menyusahkan rakyat serta memberi keyakinan yang bersungguh-sungguh kepada rakyat sama ada yang berpendapatan tinggi, sederhana dan yang berpendapatan rendah. Di segi peruntukan pertahanan sebanyak \$2,994 juta atau 17.5%, ini peruntukan yang kecil jika dibandingkan dengan setengah-setengah negara di Asia.

Ketua Pembangkang iaitu wakil dari Kota Melaka dan juga wakil dari Bandar Kuching menyatakan peruntukan pertahanan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu terlalu tinggi dan beliau menentang peruntukan itu. Di sini saya ingin mengingatkan mereka itu agar menyedari bahawa keselamatan dan pertahanan adalah amat penting bagi menjamin keutuhan, keselamatan, ekonomi, politik dan keamanan sesebuah negara yang sedang membangun seperti negara Malaysia ini. Mereka harus sedar bahawa dengan adanya

peruntukan pertahanan dan keselamatan yang agak besar sedikit maka wakil dari kota Melaka dan kita semua dapat hidup aman bahagia di dalam negara ini. Tahukah wahai saudara-saudara dari parti Pembangkang DAP bahawa berapa banyak daripada anak-anak watan yang telah mempertahankan negara yang tercinta ini yang telah terkorban di dalam mempertahankan negara ini dari ancaman musuh seperti komunis dan subversif. Berapa ramaikah daripada sanak-saudara wakil-wakil dari Kota Melaka dan wakil-wakil DAP yang telah terkorban yang telah mempertahankan negara ini daripada ancaman musuh?

Saya sungguh hairan di atas sikap mereka ini yang pura-pura tidak faham maksud dan tujuan sebenarnya di dalam masalah pertahanan. Adakah wakil-wakil DAP sanggup melihat situasi pertahanan negara ini lembab? Adakah mereka ini sanggup melihat negara ini diancam oleh musuh-musuh kita atau sanggupkah wakil-wakil DAP itu melihat negara ini diambil alih oleh sesebuah negara yang mengancam keamanan negara kita ini? Sanggupkah?

Tuan Yang Dipertua, dari segi pembangunan walaupun peruntukan pembangunan dikurangkan tetapi saya berharap kepada Kerajaan di segi pengagihan Peruntukan Pembangunan ke negeri-negeri di seluruh Malaysia hendaklah diberikan dengan seadil-adilnya supaya negeri-negeri yang masih mundur dapat menikmati faedah-faedah pembangunan yang akan dirancang nanti.

Berhubung dengan masalah petani-petani pula seperti penanam-penanam padi, pekebun kecil, nelayan-nelayan, saya ingin menekankan agar Kerajaan mengambil perhatian yang berat dan serius oleh kerana memandangkan keadaan hidup mereka yang begitu

dhaif hinggalan ada setengah-setengah daripada mereka itu kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan masalah tanah-tanah Malay Reservation, banyak di antara tanah-tanah ini yang telah pun terlepas tangan ataupun tergadai ke tangan bangsa asing yang mana tanah-tanah ini tergadai kepada orang yang tidak bertanggungjawab. Maka di sini ingin saya mencadangkan kepada Kerajaan Pusat, khususnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri agar berunding dengan Kerajaan Negeri supaya mengadakan satu badan penyiasat dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri supaya tanah-tanah Malay Reservation ini dapat diambil balik oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, dan tanah-tanah ini pula hendaklah dijadikan kawasan perkampungan tersusun untuk orang-orang bumiputera yang mana saya rasa Kerajaan tentu sedar bahawa peratusan orang bumiputera yang tidak mempunyai tanah untuk tapak rumah kediaman terlalu tinggi jika dibandingkan dengan penduduk-penduduk bangsa lain yang menjadi warganegara negara ini. Bahkan yang tidak menjadi warganegara pula mempunyai tanah ladang berjuta hektar luasnya. Apakah yang akan terjadi kepada kaum bumiputera yang menjadi anak watan kepada negara ini dalam tempoh 10 tahun atau 20 tahun yang akan datang, dan adakah kaum bumiputera yang menjadi anak watan di negara ini akan menjadi kaum Red-Indian di negaranya sendiri? Jadi saya berharap agar Kerajaan mengambil perhatian yang serius terhadap cadangan yang saya sarankan tadi.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Ini yang akhir.

Tuan Yang Dipertua, akhir kata ingin saya mencadangkan kepada kerajaan agar wang kepunyaan kakitangan-kakitangan Kerajaan disimpan di institusi-institusi Kewangan seperti EPF, Koperasi, bank dan lain-lain lagi banyak tidak dikeluarkan zakat, sekiranya Kerajaan dapat menguruskan pengeluaran zakat bagi tiap-tiap individu Islam maka Kerajaan boleh menggunakan wang ini untuk kebajikan seperti membiayai rumah-rumah anak-anak yatim dan derma-derma dan bagi kepentingan agama. Jumlah yang patut dikeluarkan zakat ini ada berjuta-juta ringgit, ini juga akan mengurangkan beban yang ditanggung oleh umat Islam di negara ini.

Saya sedar untuk mengendalikan perkara ini bukanlah mudah tetapi memandangkan banyak kebaikan yang boleh diperolehi, wajarlah Kerajaan mengendalikan hal ini supaya kakitangan yang beragama Islam akan merasa bahawa apa yang mereka terima adalah bersih. Akhir kata, saya menyokong penuh di atas Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu.

Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Saratok.

5.35 ptg.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok): Tuan Yang Dipertua, di sini saya ingin menyatakan beberapa perkataan sambil menyokong ucapan Belanjawan 1983 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 22hb Oktober, 1982.

Tuan Yang Dipertua, bagi tahun 1983 sejumlah \$770 juta akan disediakan untuk menggalakkan bumiputera mengambil bahagian di dalam perindustrian dan perdagangan.

Di dalam hal ini agensi-agensi seperti UDA, MARA dan Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDC) telah diarahkan dengan tugas mengetuai pihak bumiputera dan MARA telah dipilih untuk mengumpul, melatih dan membimbing entrepreneur bumiputera serta menggalakkan venture baru oleh bumiputera itu sendiri.

Saya ingin menarik perhatian kepada bumiputera yang telah bernasib baik mendapatkan pendapatan-pendapatan boleh dikatakan dalam bahasa Inggeris "sudden windfall" dan adalah di dalam kedudukan mempunyai modal permulaan asas yang mana mereka jikalau mempunyai bimbingan dan galakan dapat memulakan aktiviti-aktiviti perdagangan mereka.

Saya merujuk kepada mereka yang akan ditempatkan semula di Sarawak. Konsep penempatan semula (resettlement) ini adalah mudah pada dasarnya. Ia melibatkan pemindahan beberapa kumpulan rakyat yang telah dipilih ke tempat yang baru yang telah ditentukan oleh Kerajaan. Keperluan bagi tindakan tersebut selalunya adalah kerana faktor ekonomi, misalnya lokasi asal penghuni-penghuni itu, mungkin dianggap terlalu jauh didiami oleh mereka atau kerana kekurangan infrastruktur atau tempat itu akan menjadi tempat pembangunan moden. Sebab yang satu lagi ialah adanya projek yang besar biasanya akan dilaksanakan di kawasan itu, oleh yang demikian, mereka yang tinggal di tempat itu terpaksa dipindahkan semula demi membuka jalan perkembangan pembangunan negara. Begitu juga badan-badan yang mengendalikan operasi yang semacam ini adalah badan Kerajaan atau salah satu dari organ-organnya. Proses penempatan semula itu memakan masa yang panjang, banyak tenaga perlu

dicurahkan kepada planning dan persiapan operasi tersebut. Begitu juga melibatkan banyak perbelanjaan. Ini bermakna penempatan semula bukan sahaja melibatkan perbelanjaan yang besar tetapi juga memakan masa dan apabila seseorang itu menimbangkan dan mengira kemungkinan-kemungkinan tersalah rancangan dan tenaga dalam stage operasi penempatan semula boleh dikatakan juga merbahaya bagi mereka yang telah disuruh pindah. Apa yang akan merugikan mereka yang terlibat itu biasanya banyak masa yang terbuang, peluang-peluang yang terbuang dan kesukaran-kesukaran yang akan dan yang telah dilakukan. Ini adalah di antara ciri-ciri negatif penempatan semula.

Tuan Yang Dipertua, peluang ekonomi yang berhubung dengan penempatan semula ini memang ada, terutama kepada mereka yang di dalam kedudukan menerima pampasan, tetapi seringkali ciri-ciri yang telah saya nyatakan di atas tadi menutupkan peluang-peluang yang tersebut. Apabila mereka terpaksa ditetapkan di tempat yang baru adalah menjadi prinsip-prinsip umum yang sepatutnya wujud di tempat itu. Small stages operasi itu iaitu semua mereka yang terlibat dalam program tersebut mesti sepatutnya dilindungi daripada sebarang bahaya sama ada dalam jangka masa panjang atau pendek.

Keperluan penempatan semula ditentukan dan cadangan-cadangan berkenaan dengannya patut dikaji dari segi praktiknya, selepas ini adalah masa selepas pemindahan di mana mereka yang terlibat di dalam program penempatan semula ini akan menghadapi cabaran-cabaran penghidupan baru.

Tuan Yang Dipertua, seperkara lagi terhadap perkara penting berhubung dengan pampasan. Cara menentukan jumlah pampasan-pampasan yang sebenarnya adalah satu-satu yang

melibatkan persetujuan di antara pegawai-pegawai yang berkenaan dengan mereka yang terlibat di dalam penempatan semula. Seseorang itu akan memikirkan bahawa kedua belah pihak tentu akan mencapai formula yang memuaskan. Ini adalah elemen penting dalam semasa mengira dan menimbang semua kerugian kedua-dua pihak itu. Berkenaan dengan kepentingan jangka masa panjang mereka, stage yang betul-betul kritikal ialah apa yang akan berlaku selepas itu. Adakah mereka akan dibiarkan begitu sahaja untuk melakukan dan membelanjakan wang yang mereka dapati mengikut kehendak nafsu dan impian mereka semata-mata? Adakah mereka digalakkan mengambil bahagian di dalam skim-skim industri dan perdagangan atau adakah mereka dibiarkan sesuka hati mereka bagi membeli item-item yang mahal seperti motokar tambahan, item-item mewah dari segi ekonomi yang tidak mempunyai apa-apa faedah?

Tuan Yang Dipertua, terdapat banyak skim tanah di Sarawak. Tidak semua orang terlibat bernasib baik untuk mendapat pampasan yang besar. Keadaan penempatan semula itu yang akan menentukan sama ada mereka yang terlibat sepatutnya berhak mendapat pampasan. Sebagai contoh, saya ingin merujuk kepada mereka yang telah menetap di Lubok Antu, Sarawak. Di Batang Air, di daerah Lubok Antu, Sarawak kami mempunyai projek hydro yang baik bagi ampangan yang berongkos beratus-ratus juta ringgit. Persiapannya adalah sangat penting, untuk menolong kami mengisi kehendak tenaga kami. Jadi apa yang akan berlaku kepada penduduk-penduduk di kawasan itu apabila mereka disuruh pindah, sebagaimana yang dijangka perkara pampasan akan timbul dan perbincangan akan berada dan seterusnya diterima. Selalunya jumlah yang diberikan itu dianggap sebagai memuaskan. Tetapi apa yang

saya menitikberatkan ialah kegunaan-kegunaan wang tersebut iaitu selepas mereka menerima pampasan, ini adalah menjadi satu perkara yang penting untuk mengambil perhatian apa yang sebenarnya berlaku. Sekiranya Kerajaan mempunyai badan penasihat pengurusan yang dikhaskan untuk menasihati atau membimbing mereka berhubung dengan cara yang baik untuk melaburkan atau membelanjakan pendapatan windfall itu tidaklah perlu dibimbangkan.

Pegawai-pegawai Kerajaan atau wakil Kerajaan misalnya merupakan kebaikan Amanah Saham Nasional iaitu di antara kemungkinan-kemungkinan yang terdapat. Sekiranya mereka yang telah diberikan pampasan dan yang telah ditetapkan seperti di Batang Air itu tidak dibimbing dan tidak ditunjuk ajar berhubung dengan peluang-peluang pelaburan, kita sepatutnya menggalakkan agensi-agensi Kerajaan mengambil langkah yang tertentu membaiki keadaan itu. Setengah keluarga telah dapat melaburkan wang-wang mereka dengan jayanya, tetapi kebanyakan mereka itu masih menggunakan wang pampasan itu yang sepatutnya disambut dan dihargai oleh mereka seperti kemala hikmat dengan cara yang salah.

Tuan Yang Dipertua, mereka yang terlibat diberikan pampasan atas harta yang ada pada mereka sejak dari generasi ke generasi. Perkara yang terlibat di sini ialah harta-benda, penyalahgunaan wang pampasan ini adalah sama juga dengan melakukan kerosakan yang sengaja kepada harta-benda mereka iaitu kebun-kebun, ladang dan pokok tanaman dan dusundusun. Pada masa di mana training yang diterima ialah untuk kemajuan dengan demikian kami akan soal apa-apa kerosakan pada harta-benda kerana kami sebagai rakyat dan negara bertujuan membina dan bukan

merosakkannya. Mestikah kita hanya berdiam diri sahaja melibatkan berkenaan dengan membazirkan wang mereka itu, saya kira tidak, kerana kerugian itu tidak dapat ditarik balik. Kerugian itu saya anggap ialah kerugian negara kita. Keadaan yang sedih ini berlaku di masa keluarga-keluarga itu berada di dalam stage semula yang kritikal. Sebelum keadaan ini jadi lebih buruk, pemeriksaan perlu dilakukan untuk mengkaji perbelanjaan yang dilakukan supaya mereka yang berkenaan dapat menggunakan dan dilaburkan wang mereka dengan cara yang baik sekali. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan penetapan semula, satu daripada faktor-faktor itu ialah kesulitan untuk memasuki kampung-kampung pendalaman. Tentu sekali sekiranya settlement ini ditempatkan bersama ini akan menyenangkan pembinaan perlu moden seperti jalan-jalan yang baik, lampu-lampu, tempat-tempat kesihatan dan sebagainya.

Sejarah Iban memang dipenuhi kes-kes di mana seluruh keluarga, puak-puaknya dan harta-hartanya dipindahkan ke tempat seperti di Sungai Rajang, Kemenor, Baram dan Tinjal sebagai contohnya. Tetapi pada zaman ini jawabnya ialah terletak kepada penetapan semula di mana penduduk-penduduk dapat menetap semula dengan bimbingan dan bantuan Kerajaan. Mungkin dengan ini faedah ekonomi akan lebih baik lagi. Dalam hal ini saya mengesyorkan supaya Kerajaan mengkaji lebih dalam dan menyelurui dilakukan untuk kepentingan jangka masa panjang kepada semua yang terlibat.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi perkara yang saya hendak sentuh di sini, Kerajaan telah ada cadangan untuk menambah lagi perbelanjaan untuk keselamatan dan pertahanan. Perkara ini patut disokong. Di sini juga saya ingin menarik perhatian,

Tuan Yang Dipertua, kepada kesulitan-kesulitan anggota-anggota pertahanan untuk mendapatkan rumah bagi keluarga mereka. Masalah perumahan ini sangat dirasai oleh mereka yang telah bersara dari perkhidmatannya setelah mereka berjuang dan mengorbankan nyawa mereka untuk negara, saya rasa tidaklah menjadi terlalu rumit sekiranya negara ini Malaysia menyediakan mereka rumah-rumah walaupun rumah papan atau setidak-tidaknya pun mereka ini sepatutnya diberi lot-lot rumah supaya mereka tidak terpaksa menjadi setinggian, misalnya, di dalam dan di sekeliling bandar Kuching di Sarawak dan di Kota Kinabalu di Sabah.

Sekianlah, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Kluang.

5.49 ptg.

Tuan Quah Wee Liam (Kluang):

Tuan Yang Dipertua, saya bangun mengucapkan tahniah dan di samping itu menyokong penuh atas Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 22hb Oktober, 1982. Dalam ucapan Belanjawan itu Yang Berhormat Mulia telah menyentuh tentang kemudahan-kemudahan dan galakan-galakan yang diberi oleh Kerajaan kepada negara kita yang kini sedang menghadapi kemelesetan ekonomi. Semoga langkah-langkah yang disyorkan oleh Menteri Kewangan maka ekonomi negara kita akan pulih seperti sedia kala tanpa menjejaskan pendapatan dan harta rakyat, terutama golongan menengah dan golongan bawah.

Tuan Yang Dipertua, Malaysia adalah sebuah negara pengeluar bahan-bahan mentah utama dan saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas usahanya menggalakkan rakyat supaya menanam tanaman

utama secara besar-besaran dengan menggunakan benih yang lebih baik. Kerajaan telah mendapat kejayaan yang cemerlang tetapi di sebalik kejayaan itu terdapat juga masalahnya.

Kita sekarang menghadapi masalah kekurangan buruh di kebanyakan ladang-ladang sama ada ladang yang kecil atau yang besar. Banyak kebun-kebun kecil terbiar sahaja dan cuma sebahagian dari ladang-ladang besar diusahakan. Mungkin kerana keadaan ekonomi negara pada masa sekarang kejadian ini tidak begitu membimbangkan kerana dengan pengeluaran rendah ini dapat mengukuhkan harga getah yang sedang jatuh, tetapi apabila harga getah naik kelak, Kerajaan akan mengalami kerugian berjuta-juta ringgit dari segi pendapatan. Oleh itu, saya berharap Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menggalakkan belia-belie bekerja di ladang-ladang. Kerajaan haruslah mencari jalan yang positif untuk menggalakkan belia-belie kembali semula ke kampung-kampung bagi mengatasi kekurangan tenaga buruh.

Kerajaan telah membelanjakan banyak wang dengan tujuan mengeluarkan bahan-bahan utama yang lebih baik. Akan tetapi sayangnya Kerajaan tidak memberi perhatian yang sama untuk meluaskan lagi kegunaan bahan utama kita. Kebanyakan bahan-bahan utama itu dieksport ke luar negeri sebagai bahan-bahan mentah, kemudian dikilangkan dan dijual semula kepada kita dalam bentuk barang-barang pengguna dengan harga yang lebih tinggi. Oleh itu, dari segi kadar pertukaran luar negeri kita mengalami kerugian yang besar. Saya berharap supaya Kerajaan dapat menggalakkan rakyat kita mengeksport sejauh mana yang boleh barang-barang yang sudah siap dan bukan bahan-bahan mentah sahaja.

Kita patut menggalakkan syarikat-syarikat luar negeri menanam modal di negara kita khususnya dalam bidang memproses bahan-bahan mentah untuk dijadikan barang-barang mengguna yang sudah siap.

Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan masalah air. Bekalan air yang telah dirawat (treated water) adalah tidak mencukupi kerana terdapat banyak kawasan yang telah dimajukan masih belum mempunyai loji merawat air. Apa yang menyedihkan banyak kawasan seperti kawasan Kluang yang sering menghadapi masalah kerana pam dan enjin di loji merawat air di kawasan tersebut telah terlalu tua atau telah tidak disenggarakan secara teratur. Oleh yang demikian, saya menggesa Kerajaan supaya memberi perhatian yang wajar kepada hal ini kerana bekalan air adalah satu keperluan asas di dalam kehidupan rakyat.

Tuan Yang Dipertua, walaupun saya menyokong penuh di atas kenaikan cukai kereta-kereta diimport, saya merasa dukacita kerana kenaikan cukai jalan untuk kereta lebih dari 1,200 c.c. terlalu tinggi. Umpamanya cukai jalan dikenakan ke atas sebuah kereta diesel 3,000 c.c. keupayaan syarikat-syarikat swasta bukan sahaja mencukupi untuk membeli sebuah kereta yang sederhana besarnya, bahkan juga boleh menampung cukai jalan sekali.

Dalam zaman meleset ini kenaikan cukai jalan sedemikian tinggi pasti membebankan syarikat-syarikat dan peniaga-peniaga kecil.

Tuan Yang Dipertua, walaupun Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk jalan raya tetapi dukacita bahawa lebuh raya-lebuh raya utama (highway) masih

banyak kekurangan dan perlu diperbaiki. Kebanyakan lebuhraya utama itu bukanlah menjadi jalan raya penting tetapi sebaliknya merupakan perangkap maut. Kerana itulah Malaysia mempunyai kadar peratusan kemalangan yang tinggi. Oleh itu, saya cadangkan supaya Kerajaan kita mengubah cara tender untuk pembinaan lebuhraya pada masa akan datang.

Saya mengesyorkan lebuhraya dibina oleh kontraktor dengan perbelanjaannya sendiri, di samping itu, kontraktor tersebut juga dikehendaki menyelenggarakan jalan raya itu dengan syarat bahawa kontraktor berkenaan diberi kuasa mengutip tol tertakluk kepada persetujuan antara Kerajaan dan kontraktor. Dengan langkah itu Kerajaan boleh menjimatkan lebih wang ringgit di samping mempercepatkan lagi pembinaan lebuhraya itu. Kita mesti menyedari bahawa pembinaan lebuhraya adalah satu langkah untuk mempesatkan kemajuan, kestabilan dan keamanan negara kita. Oleh itu, saya berharap Kerajaan dapat mempertimbangkan cadangan saya dengan sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kita atas pembinaan lebih banyak hospital di merata tempat dan juga mengubahsuaikan keadaan hospital yang sudah wujud pada masa ini. Walaupun begitu saya berasa sedih kerana ada juga banyak hospital misalnya di daerah Kuala Lumpur di mana terdapat kekurangan doktor, jururawat dan kakitangan hospital, dan ini selalu menimbulkan berbagai masalah.

Hospital Kuala Lumpur sepatutnya mempunyai 20 orang doktor tetapi hanya terdapat 7 orang doktor sahaja tanpa seorang pun doktor bedah (surgeon). Kekurangan kakitangan hospital bermakna kurang perhatian diberi kepada pesakit. Sejumlah besar pesakit di hospital-hospital Kerajaan

adalah merupai pesakit luar yang datang dari golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah dan kebanyakan mereka itu tak berpelajaran.

Apabila kakitangan hospital yang tidak dilatih dalam bidang perhubungan awam mengendalikannya kes pesakit tersebut, maka timbullah perselisihan faham antara pesakit dan kakitangan hospital. Aduan mengenai hal yang tersebut telah banyak diterima. Di sini saya mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan sekiranya boleh mengadakan kursus perhubungan kemanusiaan dan awam untuk semua kakitangan hospital dan klinik terutamanya kepada Pembantu Hospital dan Jururawat.

Saya juga berharap Menteri yang berkenaan akan mengadakan langkah-langkah positif untuk mengatasi kekurangan doktor dan kakitangan hospital. Di antara lain, Kerajaan boleh memberikan dorongan yang lebih menarik dalam Skim Perkhidmatan Doktor. Kerajaan juga patut menimbangkan untuk diambil berbagai doktor isteri-isteri asing yang telah berkahwin dengan rakyat Malaysia tetapi yang mempunyai ijazah kedoktoran yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan pada masa ini. Saya percaya Kementerian Kesihatan boleh berunding dengan badan berkuasa yang berkenaan untuk mengeluarkan Sijil Ahli Bersekutu (Associate Membership Certificate) supaya mereka boleh memberi perkhidmatan di hospital Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup, sila gulung ucapan Yang Berhormat.

Tuan Quah Wee Liam: Perkara yang akhir, Tuan Yang Dipertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri dan Kabinetnya kerana telah dengan cara sukarela menawarkan potongan sebahagian daripada gaji mereka walaupun jumlahnya tidak

memberi banyak kesan kepada ekonomi negara tetapi tindakan itu menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sangat-sangat mengambil berat tentang hasratnya membasmi kemelesetan yang sedang kita hadapi. Maka dengan ini, saya cadangkan supaya semua Ahli Parlimen mengikut jejak langkah yang baik ini dengan membenarkan potongan \$100 seorang daripada elaun mereka mulai bulan ini.

Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya ucapkan tahniah dan menyokong Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Pekan.

6.01 ptg.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud (Pekan): Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam Dewan yang mulia ini bagi turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia pada 22hb Oktober, 1982.

Tuan Yang Dipertua: Itu tak usah dikatakan dengan kerana masa itu dihadkan. Jadi tumpukan kepada apa yang akan dicakapkan itu.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Bagi turut serta dalam menyokong usul ini, sukalah saya memberi pandangan saya terhadap Belanjawan 1983 agar ianya mendapat sokongan seluruh rakyat yang betul-betul taat setia terhadap negara kita yang kita cintai.

Tuan Yang Dipertua, Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh merupakan satu Belanjawan yang tidak membebankan mana-mana yang tertentu. Ianya mengambil kira agar mereka yang berpendapatan rendah

tidak terjejas dan yang kaya-raya masih boleh menikmati kekayaannya dengan senang-lenang. Bahkan cukai-cukai yang dikenakan adalah difikirkan perlu dan mustahak untuk mengekalkan keadaan ekonomi negara supaya keadaan inflasi dapat dikawal.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Tengku yang betul-betul memahami keadaan rakyat yang miskin yang kebanyakan dari mereka duduknya di luar bandar. Strategi-strategi yang diambil bagi membentangkan Belanjawannya memberi makna yang berkesan terhadap pertumbuhan ekonomi dalam keadaan meleset sekarang.

Dalam kita menghadapi keadaan kemelesetan ekonomi di mana bahan-bahan eksport utama kita seperti getah, bijih timah dan kelapa sawit kurang mendapat pasaran di luar negeri dan dalam kita menjimatkan wang pertukaran asing (foreign exchange) telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku bahawa kita mengimport banyak barang-barang mewah yang tidak memberi sumbangan kepada keupayaan pengeluaran ekonomi iaitu seperti kenderaan persendirian yang diimport berjumlah \$800 juta dan bagi mengelakkan pembaziran yang begitu banyak, saya mencadangkan kepada Kerajaan agar dibekukan langsung import kereta-kereta persendirian jenis mewah buat sementara waktu sehingga keadaan ekonomi kita pulih.

Tuan Yang Dipertua, negara kita mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan saya suka merasakan bahawa sistem ini adalah yang paling sesuai sekali. Sistem ini sejak diamalkan selama suku abad telah diterima dan disokong penuh oleh sekalian rakyat. Dalam pada itu pindaan-pindaan tertentu dibuat dari masa ke semasa bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa.

Adalah perlu bagi kita memeliharakannya dan mempertahankannya dan memastikan bahawa negara kita akan wujud sebagai suatu negara yang berdaulat, bermaruah tinggi dan disegani oleh negara-negara lain yang lebih maju dari kita. Kerajaan yang ada di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir telah membawa negara kepada satu kepimpinan era baru. Beliau merupakan Perdana Menteri kita yang keempat. Beberapa pembaharuan telah dibuat sejaknya beliau mengambil tempat yang dikosongkan oleh Tun Hussein Onn, Perdana Menteri kita yang lalu. Di antara perubahan-perubahan yang dilaksanakan adalah punch card system di jabatan-jabatan Kerajaan serta agensi-agensinya yang pada mulanya tidak begitu mendapat sambutan, namun demikian kita telah melibat penerimaan yang baik daripada kakitangan-kakitangan Kerajaan dan juga agensi-agensinya. Ini oleh kerana sikap dinamis yang ditunjukkan oleh Dato Seri Dr Mahathir sendiri dengan memperkenalkan sistem pimpinan secara tauladan yang telah disebutkan dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tempoh hari. Apa yang menarik perhatian saya terhadap banyak perubahan dan style Kerajaan sekarang ialah policy pandang ke Timur. Policy ini mendapat sokongan dan perbincangan yang hebat bukan sahaja daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bahkan sebilangan besar rakyat negara ini. Perhatian rakyat dibawa ke arah negara-negara Timur seperti Korea dan Jepun. Keduanya merupakan negara-negara yang maju di mana penekanan yang kuat dibuat terhadap rakyatnya bekerja keras bagi mencapai penghasilan negara yang banyak serta kaya-raya.

Apa yang perlu dikaji sekarang adakah rakyat sebenar-benarnya memahami dasar ini secara mendalam

dan menerimanya secara total. Saya mencadangkan kepada Kerajaan agar sesuatu kempen secara menyeluruh diadakan di seluruh negara seperti perbahasan-perbahasan, ceramah-ceramah, tunjukan-tunjukan filem, etika kerja dan sebaran risalah buku-buku terjemahan yang diterbitkan dalam bahasa Jepun dan Korea ke Bahasa Malaysia. Slogan-slogan juga perlu dimainkan di radio-radio, TV di waktu-waktu pagi sebelum rakyat keluar rumah membuat kerja masing-masing. Tahun 1990 tidak begitu jauh lagi ke hadapan, masa itu emas dan tidak menunggu sesiapa. Dari itu barulah kita meneliti sejauh manakah Dasar Ekonomi Baru kita telah berjaya? Adakah kita mesti menunggu tahun yang ditentukan itu menjelang? Masih lagi terdapat dan ramai kaum-kaum petani dan nelayan-nelayan yang masih hidup dalam kemiskinan. Kalau kita menyebut kaum tani dan nelayan dalam kontek kaum bumiputera terdapat gambaran di kepala kita bahawa mereka ini terdiri daripada mereka yang miskin. Terdapat rancangan-rancangan diatur oleh Kerajaan seperti mengadakan subsidi-subsidi nelayan, koperasi-koperasi ditubuhkan bagi faedah mereka. Adakah kita berpuas hati dengan rancangan-rancangan sedemikian? Harga-harga ikan di pasar tetap melambung tinggi, nasib-nasib nelayan di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia tetap di tahap lama sejak kita merdeka 25 tahun yang lampau. Dalam soal ini Kerajaan harus mengadakan suatu dasar negara yang menyeluruh terhadap kaum nelayan, supaya taraf hidup mereka tinggi dan setaraf dengan pendapatan peneroka-peneroka FELDA umpamanya.

Tuan Yang Dipertua, sejak beberapa tahun ini banyak agensi-agensi Kerajaan yang merupakan agensi-agensi pembangunan tanah dan wilayah telah ditubuhkan. Agensi-agensi ini berfungsi untuk membangun

kawasan-kawasan tertentu di negeri-negeri berkenaan, tujuan memberi kemudahan dan menaikkan taraf hidup rakyat yang tidak berkemampuan. Hasil dari hasrat ini tertubuhlah agensi-agensi seperti FELDA, FELCRA, RISDA, KEJORA, DARA, KEDA, KESEDAR, KETENGAH dan berbagai-bagai lagi. Pakar-pakar perunding dari luar dan dalam negeri dikomisenkan untuk menyediakan pelan-pelan induk bagi rancangan-rancangan raksaksa ini. Hasil dari kajian yang dibuat maka wujudlah agensi-agensi tadi. Setelah berjalan untuk beberapa tahun lamanya, ada di antaranya berjaya dan ada pula di antaranya memerlukan pembaikan dari segi pengurusannya. Wang rakyat beratus-ratus juga dicurahkan bagi menjayakan satu-satu rancangan.

Dalam merancang dan menjalankan satu-satu projek di kawasan-kawasan tertentu terdapat banyak kampung-kampung tradisional yang kurang mendapat perhatian Kerajaan dari segi pembangunan, agensi-agensi seperti ini harus mengambil peranan yang berkesan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri supaya kewujudan agensi-agensi di kawasan-kawasan tertentu dirasai nikmat pembangunannya oleh penduduk-penduduk setempat iaitu penghuni-penghuni kampung tradisional yang ada di situ. Umpamanya di kawasan saya Pekan, ada lebih kurang 200 kampung tradisional yanguduknya dalam kawasan pembangunan wilayah Pahang Tenggara (DARA) di mana bandar-bandar baru ditubuhkan dalam kawasan ini. DARA sedang dan akan membina 31 bandar-bandar baru menjelang 1990. Apa yang mengecewakan saya ialah kampung-kampung tradisional tadi masih di tahap lama juga, masih ada lagi kampung-kampung ini tertinggal dari segi kemudahan asas seperti air, api dan jalan raya yang sempurna.

Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan kepada Kerajaan Pusat melalui agensinya DARA supaya merancang satu strategi pembangunan menyeluruh bagi membangunkan kampung-kampung tradisional ini supaya ianya dinaikkan tarafnya bersama-sama dengan rancangan pembinaan bandar-bandar baru yang sedang dibangunkan dengan pesatnya sekarang. Dengan cara ini sahajalah akan dapat menjamin masa depan kaum bumiputera yang tinggal di kampung-kampung.

Tuan Yang Dipertua, bagi tahun belanjawan 1983 Kementerian Pertanian banyak merancang dan melaksana projek-projek pertanian yang amat berfaedah sekali kepada kawasan tani kita. Saya ucapkan syabas kepada Kementerian ini. Di antara projek yang sedang dilaksanakan ialah Projek Pertanian Bersepadu Bersatu, Terengganu, Semarak, Kemasin, Kelantan, Negeri Perlis, Endau—Rompin dan lain-lain lagi. Projek Endau—Rompin telah dilancarkan pada tahun 1981 dan dijangka siap pembinaan infrastrukturnya pada tahun 1986. Anggaran perbelanjaan projek ini adalah sebanyak \$303 juta.

Tujuan utama projek ini adalah bagi meningkatkan pendapatan kaum tani kita. Pada tahun ini kerja pembersihan hutan, pamaritan dan kajian tanah sedang giat dijalankan. Saya difahamkan bahawa tiap-tiap satu keluarga petani akan diberi 12 ekar tanah hakmilik bagi menyertai rancangan ini. Projek tanaman padi ini akan dijalankan secara saham di mana petani-petani akan memiliki saham dan kerja-kerja menanam padi dijalankan oleh satu badan tertentu. Apabila rancangan itu dilaksanakan nanti ia akan merupakan satu lagi kawasan jelapang padi yang besar di pantai timur Semenanjung Malaysia.

Oleh kerana projek ini merupakan projek ulung dijalankan secara saham bagi petani-petani yang akan menjayakannya, saya mencadangkan supaya Kerajaan berhati-hati menjalan projek ini oleh kerana beratus-ratus juta wang rakyat akan dicurahkan bagi pelaksanaannya.

Tuan Yang Dipertua, kita sekarang sedang menghadapi kemelesetan ekonomi. Oleh hal yang demikian kita perlu berjimat-cermat di samping memastikan tidak ada pembaziran berlaku. Dalam pada itu kita harus mencari sumber-sumber baru bagi menampung perbelanjaan negara. Sumber baru yang diperolehi sejak beberapa tahun ini ialah petroleum yang telah memberi punca keuntungan yang besar kepada negara kita. PETRONAS diberi tugas khas untuk mencarigali bahan ini di tanahair kita, terdapat bahan petroleum ini di negeri-negeri Terengganu dan Sabah umpamanya. Punca hasil negeri-negeri yang berkenaan juga bertambah dengan adanya pendapatan dari hasil minyak ini.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Carigali BP, Sdn. Bhd., yang telah menjumpai satu lagi telaga minyak baru di perairan Sabah baru-baru ini. Ini sudah tentu akan menambahkan lagi pendapatan negara dan hasil bertambah kepada negeri Sabah sendiri. Oleh kerana saya berasal dari negeri Pahang di mana pada satu masa dahulu mendapat sebahagian besar hasil negerinya daripada kayu balak dan memandang sumber ini telah berkurangan bertambah pula kurangnya permintaan luar negeri untuk eksport, maka Kerajaan Negeri terpaksa mencari sumber-sumber hasil dari punca-punca lain.

PETRONAS telah diberi kuasa mencarigali bahan petroleum di perairan Malaysia. Mengapakah tidak ada usaha-usaha yang gih dijalankan

di lautan Cina Selatan iaitu di perairan Pantai Timur Pahang di mana saya percaya boleh terdapat banyak telaga-telaga minyak yang boleh menghasilkan banyak pendapatan kepada negara kita dan juga negeri Pahang.

Saya mencadangkan kepada Kerajaan Pusat dan PETRONAS agar menjalankan kerja-kerja carigali di Pantai Timur Pahang yanguduknya berhampiran dengan pantai negeri Terengganu.....

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat.....

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Akhir kata saya sekali lagi merakamkan sokongan saya terhadap Belanjawan, 1983.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

6.16 ptg.

Dato Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ucapan belanjawan bagi tahun 1983.

Tuan Yang Dipertua, negeri Kedah adalah sebuah negeri yang kaya, tetapi miskin, negeri Kedah memang kaya dengan tanaman-tanaman padinya untuk keperluan negara. Negeri Kedah memang kaya dengan penduduk-penduduknya yang rajin bekerja sehinggalah mereka berhijrah ke negeri-negeri lain untuk membuka tanah-tanah pertanian oleh sebab tanah tidak lagi mencukupi. Negeri Kedah memanglah kaya dengan berbagai-bagai kebudayaan, tetapi negeri Kedah miskin dari segi hasil yang dapat dipungut oleh Kerajaan Negeri. Tiap-tiap tahun Kedah mengalami deficit di dalam belanjawannya yang meningkat dari semasa ke semasa. Hasil-hasil yang dipungut tiap-tiap tahun daripada

tanah, hutan dan bekalan air cukup hanya untuk membayar gaji pegawai-pegawai Kerajaan. Oleh yang demikian, Kedah banyak bergantung kepada Kerajaan Pusat untuk membiayai pembangunannya yang sedang pesat berjalan.

Saya berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah bersimpati dengan Kedah dengan memberi peruntukan yang agak banyak juga untuk pembangunan di dalam negeri itu. Pembangunan sedang berjalan dengan baik sama ada membina kemudahan-kemudahan asas ataupun pembangunan sosial yang lain-lain.

Tuan Yang Dipertua, Kedah selalu mengalami kesulitan dari segi penerimaan wang peruntukan daripada Kerajaan Pusat yang seringkali lambat diperolehi. Banyak projek-projek pembangunan mengalami kelambatan pelaksanaannya, oleh sebab bayaran-bayaran kepada pemborong tidak sampai kepada Kerajaan Negeri mengikut jadual-jadual kerja yang ditetapkan.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap keadaan ini dapat diperbaiki bagi projek-projek yang sudah committed supaya pelaksanaan projek-projek tersebut tidak tergendala ataupun terbengkalai.

Tuan Yang Dipertua, bagi pembinaan jalan-jalan raya pula dan penyelenggaraannya banyak wang perlu dibelanjakan. Dengan keadaan wang yang tidak pernah cukup, maka banyaklah jalan-jalan raya di Kedah tidak dapat dibina dan diperbaiki dengan memuaskan. Ada setengah jalan raya yang diiktiraf sebagai jalan negeri diguna oleh kenderaan-kenderaan berat dan selalu mengalami kerosakan yang teruk. Ini membebankan lagi kewangan Kerajaan Negeri.

Di dalam Dewan yang mulia ini saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya dapat mengambilalih pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan tersebut supaya dapat meringankan sedikit bebanan yang dipikul oleh Kerajaan Negeri dan dengan secara tidak langsung menjamin kegunaan jalan-jalan tersebut oleh pengguna-pengguna jalan raya dengan lebih selamat dan memuaskan.

Saya sungguh gembira apabila mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan kita bahawa Kerajaan akan terus membiayai pembinaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam. Dari jumlah peruntukan \$1,474 juta bagi kemudahan-kemudahan awam \$741 juta ialah bagi bekalan elektrik dan \$773 juta untuk bekalan air. Sungguhpun begitu saya dapati menjelang berakhirnya Rancangan Malaysia Keempat hanya separuh kampung-kampung yang akan mendapat bekalan elektrik, jika perancangan yang ada sekarang dapat dilaksanakan mengikut jadual. Tetapi apa yang membimbangkan pelaksanaan yang berjalan sekarang pun tidaklah begitu tepat dengan jadualnya. Masih ada lagi rancangan-rancangan bekalan elektrik luar bandar 1981 belum dilaksanakan dan banyak lagi rancangan-rancangan untuk 1982 masih di peringkat siasat, banci-membanci dan sukat-menyukat.

Tuan Yang Dipertua, bekalan air minuman adalah satu kemudahan yang penting sekali bagi penduduk-penduduk luar bandar. Di dalam bandar pun bekalan air ini tidak begitu memuaskan dan air keluar daripada paip-paip yang dipasang di masa-masa yang tertentu sahaja. Keadaan ini lebih buruk lagi di kawasan luar bandar di mana penduduk-penduduknya terpaksa membeli air minum ataupun terpaksa pergi ke tempat yang agak jauh daripada rumah mereka untuk mendapat air

minum. Saya difahamkan air minum adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun berusaha untuk mengadakan rancangan-rancangan bekalan air di kampung-kampung, tetapi usaha-usaha ini tidak mencukupi dan belum memuaskan.

Banyak sebab-sebab yang diutarakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Salah satu sebabnya ialah wang peruntukan tidak mencukupi dan wang peruntukan untuk rancangan-rancangan loji dan paip-paip air adalah daripada wang pinjaman. Oleh yang demikian, perakuan daripada Kerajaan untuk meneruskan membiayai pembinaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam adalah tidak begitu menggembirakan. Apa yang perlu ialah Kerajaan hendaklah menambah lagi peruntukan dari semasa ke semasa untuk mengatasi masalah bekalan elektrik dan air, khususnya di luar bandar.

Tuan Yang Dipertua, bagi sektor pertanian saya dapati dalam Anggaran Pembangunan 1983, peruntukan pertanian ialah \$1,396 juta, iaitu berkurangan yang sungguh nyata jika dibandingkan dengan anggaran 1982, iaitu \$2,026.7 juta. Saya tidak nampak bagaimana peruntukan yang berkurangan ini dapat memperhebatkan usaha Kerajaan untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi kaum tani, pekebun-pekebun kecil dan kaum nelayan, terutamanya bagi mereka yang masih berada di tahap yang lebih rendah daripada garis kemiskinan. Walaupun begitu, saya berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan oleh sebab sungguhpun peruntukan berkurangan tetapi dua buah rancangan sosio-ekonomi yang terbesar di negeri Kedah, iaitu MADA dan KEDA telah diberi peruntukan yang diperlukan. Dengan peruntukan daripada Kerajaan ini maka masalah

kekurangan peruntukan bagi pelaksanaan projek MUDA II dan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Lembah Kedah tidak timbul lagi. Saya juga berasa bangga kerana negeri Kedah dipilih untuk rancangan ternakan hidupan-hidupan dalam air yang terbesar di negeri ini. Sungguhpun begitu, kita masih perlu mempelajari banyak daripada negara-negara lain seperti Taiwan, Hawaii, di Amerika Syarikat dan Filipina dalam usaha ternakan ikan dan udang oleh petani-petani kita. Saya dapati ternakan udang galah dan ikan air tawar yang berasal daripada Malaysia lebih maju dan menguntungkan petani-petani di Taiwan misalnya daripada negara kita sendiri. Rancangan dan penyelidikan yang lebih rapi dan teliti perlu dijalankan oleh Kerajaan supaya bibit-bibit ikan dan udang dapat dibekalkan dengan secukupnya kepada petani-petani kita.

Tuan Yang Dipertua, subsidi harga pembelian padi telah pun memberi faedah yang besar kepada petani-petani dan dapat menambah pengeluaran beras negara. Sebelum subsidi ini dilaksanakan Malaysia terpaksa mengimport 25% beras daripada keperluan negara, tetapi sejak subsidi ini berjalan negara kita sekarang mengimport 12% sahaja beras daripada keperluan negara. Ini menunjukkan bahawa dengan adanya subsidi ini petani-petani kita berusaha dengan lebih lagi dan mengerjakan tanah-tanah yang dahulunya tidak dikerjakan. Untuk kepentingan rakyat negara ini yang semuanya makan nasi sebagai makanan utama, Kerajaan telah mengawal harga padi dan beras. Dengan harga yang dikawal penanaman padi tidak lagi ekonomik dan ada kemungkinan petani-petani kita terpaksa menukarkan tanaman mereka kepada tanaman-tanaman lain yang lebih ekonomik. Ini akan menjejaskan pengeluaran beras bagi keperluan negara. Pada satu ketika dahulu ada syor-syor supaya Kerajaan

memberi subsidi mengikut keluasan tanah bendang yang diusahakan tetapi selepas kajian yang teliti dan mendalam Kerajaan telah memutuskan supaya subsidi diberi kepada harga pembelian padi. Mengikut pendedaran masa keputusan Kerajaan ini telah pun diterima oleh petani-petani dan keputusan ini telah memberi faedah yang besar kepada petani-petani dan kepada negara. Oleh yang demikian saya tidak dapat menyokong cadangan-cadangan daripada rakan-rakan kita di dalam Dewan yang mulia ini supaya subsidi padi diberi mengikut keluasan tanah. Seterusnya saya mengalu-alukan dasar Kerajaan untuk memberi subsidi pembelian padi dan mengadakan peruntukan sebanyak \$180 juta bagi Belanjawan 1983.

Tuan Yang Dipertua, di dalam Ucapan Belanjawan tempoh hari Kerajaan menghapuskan lesen eksport dan duti eksport untuk berbagai-bagai barang, meneruskan elaun pelaburan semula sehingga tahun taksiran 1986 dan potongan cukai ke atas perbelanjaan penyelidikan di samping galakan-galakan cukai yang sedia ada. Saya rasa dengan ada banyaknya galakan-galakan ini kepada sektor swasta maka terpulanglah kepada mereka untuk mencari pasaran-pasaran baru untuk mengurangkan kos pengeluaran dan untuk menjalani penyelidikan-penyelidikan. Sektor swasta mestilah bersikap lebih agresif untuk mendapat pasaran bagi barang-barang pengeluaran negara Malaysia di luar negeri dengan mengeluarkan barang-barang yang bermutu, barang-barang yang harganya dapat bersaing dengan negara-negara lain, memperkenalkan barang-barang buatan Malaysia dan mengambil bahagian yang aktif di trade-trade fair antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua, dengan yang demikian saya menyokong Ucapan Belanjawan yang disampaikan oleh

Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Malaysia pada 22hb Oktober yang lalu.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Labis. Yang Berhormat ada 5 minit sahaja.

6.25 ptg.

Tuan Bahari bin Haron (Labis): Tuan Yang Dipertua, cadangan Belanjawan sepertimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan adalah satu cadangan yang paling menasabah dan telah dirancang dengan penuh teliti dan berhati-hati, mengambil kira keadaan ekonomi masa kini dan juga mengambil kira masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka yang tidak bernasib baik, iaitu golongan orang miskin. Pada keseluruhannya cadangan Belanjawan itu adalah satu cadangan yang adil dan benar-benar dapat memberi kesan dari segi hasrat Kerajaan hendak mengekalkan pertumbuhan ekonomi seperti yang dijangkakan di dalam keadaan ekonomi yang meleset ini.

Cadangan Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, terutama sekali di sektor swasta sudah tentu akan terjejas jika sektor pembinaan dibiarkan lembab. Perusahaannya pembinaan yang berkaitan rapat dengan industri perumahan mestilah diberikan galakan untuk tumbuh dengan pesatnya. Di samping mempercepat dan mengemaskinikan proses meluluskan pelan-pelan, penyediaan-penyediaan kemudahan pinjaman bank untuk membiayai pembinaan dan pembelian rumah, Kerajaan mesti mengkaji dengan serius kemungkinan menarik balik sekatan kepada pegawai-pegawai Kerajaan mendapatkan pinjaman perumahan. Sekatan-sekatan yang dikenakan adalah terlalu ketat. Industri perumahan telah terjejas dengan hebatnya disebabkan oleh sekatan-sekatan yang dikenakan itu.

Inisiatif untuk menggerakkan perkembangan industri ini mestilah dimulakan oleh pihak Kerajaan dengan menarik balik serta-merta sekatan-sekatan ini. Ini sudah tentu akan mengembalikan keyakinan para pemaju perumahan. Saya percaya jika ini dapat dilakukan industri perumahan serta sektor pembinaan akan dapat berkembang dengan pesatnya, ia akan menimbulkan "chain reaction" kegiatan-kegiatan sampingan yang akan menggerakkan industri perkilangan dan juga lain-lain perkhidmatan seperti khidmat perdagangan, pengedaran, pengangkutan, kewangan, hiburan dan lain-lain yang menggunakan sedikit sahaja pertukaran wang asing.

Tuan Yang Dipertua, cadangan bagi meningkatkan pendapatan tidak ketara dalam jangka masa pertengahan dengan menggalakkan industri pelancongan adalah satu langkah yang bijak. Keazaman Kerajaan menggalakkan pelancongan di kalangan pelancong tempatan dan serantau tentulah melibatkan perancangan dan usaha-usaha yang berkesan yang mesti dijalankan oleh mereka yang terlibat dalam industri ini. TDC (Perbadanan Pembangunan Pelancongan) mestilah merangka strategi-strategi dan perancangan jangka masa pendek dan panjang. Malaysia mestilah diperkenalkan dengan lebih meluas bukan sahaja di kalangan negara-negara ASEAN malahan keseluruhan dunia amnya. Pelancong-pelancong dari Singapura mestilah digalakkan dengan membetulkan keadaan lalulintas di Tambak Johor. Jawatankuasa yang bertanggungjawab menyelesaikan masalah kesesakan di Tambak Johor mestilah berusaha dengan gigih bagi menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang Dipertua, kelemahan sistem pengedaran barang-barang yang menggalakkan inflasi mestilah diatasi. Saya mengesyorkan supaya

pihak Kerajaan menggalakkan penuh-buhan kesatuan-kesatuan pengguna yang boleh memainkan peranan yang penting bagi memperluaskan pengetahuan pengguna mengenai harga barang-barang dan perkhidmatan supaya mereka tidak menjadi mangsa kepada peniaga-peniaga yang mencari keuntungan berlebihan. Kesedaran mengenai hak-hak pengguna seharusnya dimulakan di peringkat kanak-kanak sekolah. Unsur-unsur hak-hak pengguna haruslah di-serapkan ke dalam matapelajaran sekolah. Kesatuan-kesatuan pengguna haruslah ditubuhkan di tiap-tiap daerah supaya maklumat balas mengenai harga barang-barang setempat dapat dikesan bagi dipanjangkan kepada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, hasrat Kerajaan untuk mewujudkan satu etika kerja yang berlandaskan kepada disiplin, kerajinan dan ketekunan adalah satu perkara yang sungguh wajar. Etika kerja seperti ini haruslah disebar bukan sahaja di kalangan kakitangan Kerajaan, malah hendaklah meliputi sektor swasta dan petani-petani serta nelayan-nelayan luar bandar. Kita menyanjung tinggi inisiatif yang telah dimulakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi memperkenalkan konsep dari Korea Selatan yang dinamakan "Saemaul undong" yang bermakna "pergerakan masyarakat baru" Konsep ini menekankan unsur-unsur rajin bekerja...

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Bahari bin Haron: Terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.